

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2024

HARI KHAMIS : 28 NOVEMBER 2024

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 1, NO. 7, NO. 13 HINGGA NO. 41)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD
SHAFIE BIN HAJI APDAL [SEMPORNA]**

TARIKH : 28 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL [SEMPORNA] minta MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN menyatakan langkah-langkah memperkasa penglibatan anak muda Sabah di dalam bidang pertanian dan perikanan dan peratusan penglibatan mereka di dalam kedua-dua bidang ini setakat ini serta sasaran yang ditetapkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Agropreneur Muda merupakan inisiatif Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bagi meningkatkan penglibatan golongan muda di Sabah dalam bidang pertanian merangkumi projek tanaman, ternakan, perikanan dan industri makanan dan asas tani.

Sepanjang Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) sehingga November 2024, jumlah penerima Geran Agropreneur Muda di Sabah adalah seramai 248 orang dengan jumlah kelulusan bernilai RM5.007 juta. Sabah merupakan negeri kelima tertinggi yang menerima kelulusan Geran Agropreneur Muda berbanding 14 negeri lain di seluruh negara. Perincian kelulusan bagi setiap subsektor adalah seperti berikut:

- (i) Tanaman: 108 orang bernilai RM2.22 juta;
- (ii) Perikanan: 13 orang bernilai RM277,000;
- (iii) Ternakan: 61 orang bernilai RM1.22 juta; dan
- (iv) Industri Makanan dan Asas Tani: 66 orang bernilai RM1.29 juta.

Selain itu, Kementerian juga telah melaksanakan Program Pembangunan Agropreneur Muda Siswazah (PROBEST) iaitu kerjasama strategik antara KPKM, Agrobank, institusi pengajian tinggi dan syarikat peneraju. Antara projek inkubator yang dilaksanakan adalah ternakan rumpai laut yang melibatkan enam (6) orang belia di Kunak di bawah seliaan Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dengan jumlah peruntukan bernilai RM231,000 dan projek pembenihan ikan air tawar melibatkan 15 mahasiswa Sabah di bawah seliaan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan jumlah peruntukan bernilai RM94,000.

Manakala bagi meningkatkan penyertaan anak muda Sabah dalam bidang TVET pertanian pula, KPKM telah menyalurkan peruntukan pembangunan bernilai RM16 juta dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) kepada Institut Pertanian Sabah di Timbang

NO SOALAN : 1

Menggaris, Kota Belud bagi menaik taraf infrastruktur dan fasiliti bangunan serta kemudahan pembelajaran.

KPKM komited untuk meningkatkan penglibatan anak muda dalam bidang pertanian bagi menyumbang kepada peningkatan produktiviti industri agromakanan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK JONATHAN YASIN (RANAU)

TARIKH : 28 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK JONATHAN YASIN [RANAU] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan Kementerian sepatutnya membuat pelebaran jalan di banyak tempat dalam laluan jalan Persekutuan antara Tamparuli ke Ranau bagi mengelakkan keadaan jalan yang tersekat dan teruk sementara menunggu pembinaan jalan Pan Borneo dilaluan ini. Apakah Kementerian boleh bertindak segera ke arah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan raya utama yang menghubungkan daerah-daerah di negeri Sabah boleh dibahagikan kepada dua (2) kategori iaitu Jalan Negeri dan Jalan Persekutuan. Aset Jalan Negeri ini dikawal selia oleh JKR Sabah, manakala aset Jalan Persekutuan ini dimiliki oleh Kementerian Kerja Raya Malaysia (KKRM) yang juga dikawal selia oleh JKR Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan Tamparuli ke Ranau yang dimaksudkan adalah Laluan Persekutuan 22 Tamparuli-Kundasang.

Kementerian ini mengambil maklum masalah kesesakan yang dimaklumkan di sepanjang Laluan Persekutuan 22 Tamparuli-Kundasang. Berdasarkan data terkini daripada stesen bancian lalulintas di laluan berkenaan mendapati Tahap Perkhidmatan Jalan (Level of Service, LOS) di Laluan Persekutuan 22 Tamparuli-Kundasang berada pada tahap LOS A iaitu aliran trafik lancar. Sehubungan dengan itu, tiada keperluan untuk menaiktaraf jalan tersebut pada masa kini memandangkan jalan sedia ada masih lagi mampu menampung aliran trafik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, prosedur bagi permohonan projek membina jalan baharu atau menaiktaraf Jalan Persekutuan sedia ada adalah melalui Kerajaan Negeri berdasarkan senarai keutamaan negeri yang dikemukakan kepada Kementerian ini melalui penyelarasan antara Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Jabatan Kerja Raya Negeri. Sehubungan itu, disyorkan supaya Ahli Yang Berhormat mengemukakan cadangan projek tersebut kepada pihak Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri atau JKR Negeri untuk dimasukkan dalam senarai keutamaan Negeri dalam Rolling Plan (RP) yang akan datang. Kementerian ini akan meneliti cadangan projek ini apabila dimohon oleh Kerajaan Negeri berdasarkan senarai keutamaan Negeri pada masa yang akan datang dan akan diberi pertimbangan yang sewajarnya untuk diangkat kepada Agensi Pusat jika memenuhi keperluan teknikal untuk dilaksanakan, tertakluk kepada agihan peruntukan pembangunan kepada

Kementerian ini.

Berdasarkan maklumat yang diterangkan tadi, Kementerian ini sentiasa terbuka untuk menerima syor atau cadangan daripada Kerajaan Negeri untuk menaik taraf atau membina baharu jalan berdasarkan senarai keutamaan daripada Negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kepentingan jalan Laluan Persekutuan 22 Tamparuli-Kundasang yang merupakan laluan utama ke pusat pelancongan di Ranau, maka usaha penyelesaian jangka pendek telah dilaksanakan oleh pihak konsesi dalam menyelesaikan isu jalan berlubang dengan melakukan penampalan jalan (*pothole patching*) di bawah kerja penyenggaraan rutin manakala jalan yang rosak teruk yang berpunca daripada kelemahan struktur pavemen dilaksanakan di bawah program penyenggaraan berkala.

Walau bagaimanapun, keutamaan pelaksanaan program penyenggaraan berkala tersebut bergantung kepada keutamaan di peringkat negeri dan daerah serta peruntukan yang diterima setiap tahun daripada Kementerian Kewangan (MOF). Untuk tahun 2024 ini, sebanyak **RM16.5 juta** telah diperuntukkan untuk membaik pulih turapan jalan persekutuan di Daerah Ranau. Kerja-kerja penyenggaraan jalan yang dilaksanakan di laluan ini antaranya meliputi kerja-kerja ***localised mill & pave with glass rid dan milling, overlaying normal mix & selected glass grid application***. Selain itu, sebanyak **RM1.6 Juta** turut di peruntukkan untuk kerja-kerja Berkala Bukan Pavemen iaitu Kerja-kerja ***Pembaikan Culvert dan Concrete Shoulder***. Sebanyak **11 Arahan Kerja (AK)** dikeluarkan merangkumi jumlah keseluruhan peruntukan yang diluluskan sebanyak **RM18.1 Juta** bagi Daerah Ranau ini.

Kementerian turut berpandangan bahawa terdapat jalan raya yang perlu dibina semula memandangkan jalan-jalan ini sudah dibina lebih daripada 20 tahun dan rasionalnya, jangka hayat "*lifespan*" jalan tersebut juga telah melebihi tempoh sepatutnya dari segi rekabentuk.

Untuk makluman tambahan Ahli Yang Berhormat, selain struktur jalan

SOALAN NO : 7

yang sudah uzur, isu kurang kawalan terhadap pengangkutan yang melebihi had muatan juga antara faktor yang menyumbang kepada kerosakan jalan raya dan sekaligus mempercepatkan lagi kemerosotan jangka hayat jalan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI
[PEKAN]**

TARIKH : 28 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI [PEKAN] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan statistik semasa veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang berpencen dan tidak berpencen yang berdaftar dengan Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV). Apakah usaha yang dilaksanakan Kementerian dalam mengesan veteran ATM yang tidak berdaftar supaya mereka juga dapat menikmati faedah JHEV.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan rekod terkini, jumlah keseluruhan veteran ATM yang berdaftar dengan Jabatan Hal Ehwal Veteran Angkatan Tentera Malaysia (JHEV ATM) sehingga September 2024 adalah seramai 216,182 yang terdiri daripada 113,683 veteran berpencen, 71,561 veteran tidak berpencen dan 30,938 penerima pencen terbitan.

2. Kementerian Pertahanan melalui JHEV ATM sentiasa komited dalam mengesan veteran ATM yang tidak berdaftar melalui persatuan-persatuan veteran ATM di setiap daerah dan negeri selain daripada menggunakan aplikasi media sosial. Kementerian juga menggesa veteran yang masih belum mendaftar untuk berbuat demikian dengan segera agar penyampaian maklumat dan bantuan kebajikan dapat disalurkan dengan lebih berkesan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ZAHARI BIN KECHIK
[JELI]**

TARIKH : 28 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

YB TUAN ZAHARI BIN KECHIK [JELI] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah Kementerian bersedia mengkaji semula gaji, elaun dan insentif kepada anggota bomba sukarelawan selaras dengan penyelarasan kenaikan gaji yang telah diumumkan oleh Kerajaan kepada penjawat awam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sentiasa berusaha untuk memastikan aktiviti kesukarelawan dalam perkhidmatan kebombaian diperluas kepada seluruh masyarakat. Perkara ini adalah selaras dengan aspirasi Kerajaan MADANI yang sentiasa mengutamakan kebajikan dan kesejahteraan rakyat dengan memastikan tiada jurang dalam penyampaian perkhidmatan Kerajaan.

Secara asasnya, anggota bomba sukarelawan adalah terdiri daripada komuniti setempat yang menubuhkan **pasukan bomba sukarela (PBS) yang didaftarkan melalui Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS)** untuk membolehkan aktiviti kebombaian dijalankan. Untuk makluman, **PBS tidak dibayar gaji atau elaun, tetapi diberikan insentif melalui bantuan peruntukan kewangan secara tahunan.** Dalam hal ini, KPKT melalui JBPM akan menyalurkan **peruntukan kewangan setiap tahun kepada semua PBS yang aktif sebanyak RM3,000.00** sebagai insentif dan penghargaan kepada mereka yang sentiasa komited memberikan sokongan dan bantuan kepada JBPM.

Pada masa kini, JBPM telah mengenal pasti beberapa keperluan dan telah membuat semakan insentif geran bantuan kewangan melibatkan PBS. Antara perkara yang **telah dilaksanakan** adalah **kenaikan pembayaran geran bantuan kewangan PBS kepada RM3,500.00 berbanding RM3,000.00** sebelum ini, berdasarkan kelulusan Kementerian Kewangan yang tertakluk kepada peruntukan sedia ada **Jabatan.** Pada tahun ini, **mengambil kira kenaikan RM500.00 yang telah diluluskan tersebut, pemberian geran akan mengambil kira prestasi dan merit** yang telah ditetapkan kepada PBS. **Kenaikan ini melibatkan**

peruntukan bantuan kewangan tahunan dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM1.08 juta.

KPKT mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat diatas keperihatinan dan sentiasa peka terhadap isu kebajikan khususnya melibatkan anggota-anggota bomba dan juga bomba sukarelawan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJAH SITI AMINAH BINTI
ACHING [BEAUFORT]**

TARIKH : 28 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK HAJAH SITI AMINAH BINTI ACHING [BEAUFORT] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah kesedaran masyarakat berkenaan penyakit Herpes Virus Simplex Type 1 (HSV-1) dan Type 2 (HSV-2) yang mudah menjangkiti orang lain serta terdapatnya risiko pengaktifan semula.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penyakit Herpes Simplex adalah sejenis penyakit jangkitan kelamin (*Sexually Transmitted Infection* - STI) yang disebabkan oleh herpes simplex virus (HSV). Terdapat 2 jenis HSV yang utama iaitu Herpes Virus Simplex Type 1 (HSV-1) dan Herpes Virus Simplex Type 2 (HSV-2).
2. Kebanyakan pesakit yang dijangkiti herpes tidak bergejala atau hanya mempunyai gejala ringan sahaja. Ramai orang tidak menyedari mereka dijangkiti dan boleh menyebarkan virus kepada orang lain tanpa pengetahuan.
3. Meskipun dikategorikan sebagai jangkitan yang tidak berbahaya, penghidap HSV-1 dan HSV-2 perlu sentiasa berhati-hati kerana ia mudah menjangkiti orang lain serta terdapatnya risiko pengaktifan semula.
4. Berdasarkan data daripada Pusat Informatik Kebangsaan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), bilangan kedatangan pesakit Herpes Simplex di hospital KKM adalah 116 kes pada tahun 2021, 174 kes pada tahun 2022 dan 211 pada tahun 2023. Jangkitan Herpes ini tidak tertakluk kepada keperluan pelaporan/ notifikasi di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342). Walau bagaimanapun, KKM sentiasa memantau kejadian wabak yang berlaku.
5. Beberapa kajian yang dilakukan dalam kalangan pelajar institusi tinggi di Malaysia, mendapati tahap pengetahuan berkaitan STI dan herpes genital secara amnya masih berada pada tahap rendah^{1,2}.
6. Antara langkah kawalan dan pencegahan yang dilaksanakan oleh KKM adalah dengan memberi taklimat berkaitan penyakit STI dan herpes, menyediakan pendidikan kesihatan dan infografik tentang penyakit STI melalui media sosial bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat. Maklumat yang disalurkan juga diharap dapat memperbetulkan salah faham yang wujud dan menggalakkan individu

NO SOALAN : 15

untuk mendapatkan rawatan tanpa rasa malu atau takut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD
[BAGAN SERAI]**

TARIKH : 28 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

**DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD [BAGAN SERAI] minta MENTERI
SUMBER MANUSIA menyatakan :**

- a) apakah status terkini bagi tahun 2022 dan 2023 berkenaan inisiatif MyHeart dalam membawa pulang diaspora Malaysia di luar negara; dan
- b) sejauh manakah persediaan pihak Kementerian dalam memanfaatkan bakat mereka secara optimum.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak 2011, Program Kepulangan Pakar (REP) yang dikendalikan oleh TalentCorp telah menjadi salah satu instrumen penting dalam memperkukuh tenaga kerja pakar di Malaysia dengan membawa pulang bakat-bakat tempatan dari luar negara. Selari dengan perkembangan globalisasi, perbincangan *brain drain* atau usaha membawa lebih ramai diaspora kembali ke Malaysia kini telah berevolusi kepada *brain circulation*.

Untuk makluman Ahli Dewan, tiada data lengkap berhubung diaspora samada di peringkat Kementerian Luar Negeri atau Kementerian Dalam Negeri. Berdasarkan kenyataan ini, Inisiatif Malaysia @ Heart atau **MyHeart telah diperkenalkan pada tahun 2023** bagi memenuhi isu ini selain memperkasa agenda *brain circulation*.

Melalui MyHeart, rakyat Malaysia di seluruh dunia boleh berhubung antara satu sama lain dan melibatkan diri dalam kerjasama yang bermakna, sama ada melalui sumbangan dana, perkongsian pengetahuan, bimbingan, pelaburan, advokasi, atau kesukarelawanan.

Sebagai contoh, TalentCorp telah berkolaborasi bersama Dr. Amy Poh Ai Ling, berasal dari Pulau Pinang, kini menjawat jawatan profesor di universiti di Jepun, yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa program persidangan Malaysia-Japan Visionary Conference (MJVC) 2024 dan telah dilangsungkan pada bulan September 2024. Persidangan ini bertujuan untuk mengendalikan dialog dan pertukaran pengetahuan, memajukan piawai kecemerlangan penyelidikan dalam kalangan ahli akademik, ilmuwan, dan industrialis Jepun serta Malaysia. TalentCorp menyokong persidangan ini dengan peruntukan sebanyak RM ¥1,000,000 (RM30,000) berupa tiket penerbangan bagi ahli akademia yang terpilih

oleh Jawatankuasa MJVC untuk membentangkan kertas di persidangan tersebut seperti Universiti Malaya, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaysia Sarawak dan beberapa universiti lain. Bilangan peserta yang menghadiri perhimpunan ini adalah seramai 525 orang dengan pembentangan oleh 36 pembentang poster dan 74 pembentang lisan yang membentangkan penyelidikan mereka.

Bagi diaspora yang berhasrat untuk pulang, modul **Employment Facilitation** telah dibangunkan di Platform MyHeart untuk menghubungkan majikan di Malaysia dengan diaspora. Sehingga kini, modul ini menghubungkan 79 syarikat seperti Bank Negara Malaysia, PETRONAS, Shell, Sunway Medical Centre Sdn Bhd, BP, Universiti Teknologi PETRONAS, Intel, ExxonMobil, PwC dan Malaysian Aviation Group dengan diaspora Malaysia yang telah berdaftar di platform MyHeart. Menyokong modul ini adalah program *MyHeart Career and Facilitation Fest (MyHeart CaFe)* yang berperanan sebagai 'jambatan' di antara bakat global Malaysia di luar negara, dan syarikat-syarikat bereputasi tinggi di Malaysia. Program tahunan ini telah berlangsung sejak tahun 2022, dengan edisi terbaru pada Ogos 2024 dimana acara ini menyaksikan 23 syarikat seperti Bank Negara Malaysia, PwC, Al Rajhi Investment, Generali Insurance dan Zurich Malaysia menerangkan latar belakang syarikat mereka kepada 224 diaspora yang berada di United Kingdom, Amerika Syarikat, Singapura, Jerman dan Jepun.

Tuan Yang di-Pertua,

Sekiranya diaspora berhasrat untuk pulang ke tanah air, permohonan dilaksana menerusi program **Returning Expert Programme (REP)**. Sejak tahun 2011 hingga Jun 2024, program ini telah menerima 11,283 permohonan dan sejumlah 7,111 permohonan telah diluluskan. Secara purata permohonan REP yang diterima oleh TalentCorp adalah antara 400 ke 500 permohonan setahun. Kini platform MyHeart turut mengetengahkan modul baru iaitu **MyHeart Innovate** bertujuan untuk menarik diaspora yang mempunyai syarikat pemula dan bertapak di Malaysia.

NO SOALAN : 16

Inisiatif MyHeart memanfaatkan pendekatan '*Whole of Government*' dan '*Whole of Society*' bagi mengenal pasti dan memperkasa cendekiawan Malaysia dalam pembangunan bakat tempatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN
[PORT DICKSON]**

TARIKH : 28 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN [PORT DICKSON] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan perancangan jangka panjang Kementerian untuk mengurangkan beban tanggungan keluarga miskin di bandar dan berapa jumlah rumah di bawah Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) di Negeri Sembilan khususnya di Port Dickson yang telah dibina sebelum dan selepas tahun 2022 dan berapa lagi yang sedang/akan dibina.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah sentiasa memastikan pembangunan kawasan luar bandar menjadi keutamaan dan fokus utama Kementerian ini. Antara program yang dilaksanakan adalah seperti Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) yang telah dijenamakan semula sebagai Program Perumahan Rakyat Sejahtera (PPRS). PPRS telah mensasarkan Ketua Isi Rumah miskin dan miskin tegar yang berada di kawasan luar bandar dan bertujuan untuk menyediakan tempat kediaman yang lebih selamat dan selesa kepada golongan berkenaan.

Bagi tahun 2021 sehingga 2024, sebanyak 92 unit PPRT/PPRS telah dilaksanakan di kawasan Parlimen Port Dickson yang melibatkan 27 unit Bina Baharu dan 65 unit Baik Pulih dengan peruntukan sebanyak RM2.751juta.

Bagi tahun 2025, kementerian ini akan meneruskan inisiatif PPRS bagi membantu golongan yang berkecukupan. Pemohonan boleh dikemukakan melalui pelbagai saluran sama ada melalui permohonan secara individu, sistem e-Kasih atau Pejabat Daerah dan tertakluk kepada ketersediaan peruntukan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI BAKRI BIN JAMALUDDIN
[TANGGA BATU]**

TARIKH : 28 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN HAJI BAKRI BIN JAMALUDDIN [TANGGA BATU] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan status kemajuan industri tenusu Malaysia selepas daripada pelancaran Pelan Strategik Pembangunan Industri Tenusu Negara 2021-2025, adakah berlaku peningkatan seperti yang telah digariskan di dalam pelan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam mentransformasi sektor agromakanan Negara, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sedang melaksanakan setiap pelan tindakan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) yang meliputi tempoh 10 tahun bermula 2021-2030. DAN 2.0 mendukung aspirasi dan hala tuju sektor agromakanan negara untuk lebih mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi. Ini termasuklah Pelan Strategik Pembangunan Industri Tenusu Negara 2021-2025 bagi meningkatkan pengeluaran susu segar dalam negara.

Berdasarkan statistik, terdapat peningkatan dalam pengeluaran susu segar dalam negara iaitu sebanyak 38.7 juta liter pada tahun 2021, 39 juta liter pada tahun 2022 dan 40.1 juta liter pada tahun 2023. Walau bagaimanapun, peningkatan ini agak perlahan disebabkan kesan pandemik COVID-19 yang berlaku pada tahun 2020 dan 2021. Selain itu, industri ruminan turut terkesan disebabkan oleh wabak penyakit *Lumpy Skin Disease* (LSD) pada tahun 2021 dan 2022 yang memberi kesan kepada penternak.

Pengeluaran susu segar dalam negara dijangka akan terus meningkat dengan adanya pelaburan baru oleh Jemaluang Dairy Valley Sdn Bhd di Jemaluang, Johor. Penglibatan syarikat ini secara tidak langsung akan membantu negara untuk mencapai SSR 100% menjelang tahun 2030 selaras dengan aspirasi DAN 2.0.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN YUNESWARAN A/L RAMARAJ
[SEGAMAT]**

TARIKH : 28 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

YB TUAN YUNESWARAN A/L RAMARAJ [SEGAMAT] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perancangan Kementerian untuk mengelakkan daerah Segamat daripada menjadi daerah menua (*aging district*) serta apakah perancangan yang diambil bagi meningkatkan pembangunan dan penambahan sektor perindustrian di daerah ini bagi menarik golongan muda dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan.

JAWAPAN**Tuan Yang di-Pertua**

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kerajaan MADANI sentiasa menitikberatkan pembangunan holistik yang memberi manfaat kepada komuniti untuk lebih berdaya maju dan melonjakkan pertumbuhan ekonomi bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) telah menyediakan satu dokumen perancangan strategik khusus di peringkat daerah iaitu **Rancangan Tempatan Daerah Segamat 2030 (Penggantian)** yang telah **diwartakan pada 19 November 2020** dan telah menetapkan **hala tuju strategik Daerah Segamat** sebagai **'Agriculture Powerhouse'**, menjadikan **Daerah Segamat** sebagai **Katalis Pertumbuhan Wilayah Utara Johor**.

Merujuk kepada statistik banci penduduk 2010 dan 2020, didapati sebanyak **8% penduduk Segamat berumur lebih 65 tahun pada tahun 2010 dan meningkat kepada 9.9% pada tahun 2020**. Justeru, Daerah Segamat disenaraikan antara 11 daerah yang **dikenal pasti sebagai daerah menua** (iaitu peratus penduduk umur tua mencapai 7%). Bagi **mengeluarkan Daerah Segamat daripada status daerah menua**, Rancangan Tempatan Daerah Segamat 2030 (Penggantian) telah mengariskan pelbagai **strategi dan cadangan** bagi **menggalakkan pembangunan sektor-sektor ekonomi utama seperti perindustrian, pertanian, perdagangan dan pelancongan** yang dijangka mampu menarik pelabur dan pengusaha, serta menawarkan peluang pekerjaan kepada golongan muda di daerah tersebut. Penawaran pelbagai peluang pekerjaan dijangka dapat **mengekang migrasi keluar penduduk** di samping **menarik golongan muda dari luar Daerah Segamat untuk datang bekerja di sana**. Sehubungan itu, dengan pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini, menjelang tahun 2030 peningkatan penduduk umur tua ini dijangka dapat diimbangi dengan pertambahan golongan umur bekerja.

Berkaitan perancangan pembangunan dan penambahan sektor perindustrian pula, berikut adalah antara inisiatif yang digariskan di

bawah Rancangan Tempatan Daerah Segamat 2030 (Penggantian):

- i. **pemulihan Segamat Inland Port** oleh Lembaga Pelabuhan Klang sebagai pelabuhan darat yang telah selesai dan kini telah beroperasi penuh bagi menggalakkan aktiviti eksport barangan melalui laluan '*double track*';
- ii. **penaiktarafan jalan sedia ada yang telah siap dan pembangunan laluan baharu Lebuhraya Tengah Johor** yang dijangka siap pada tahun **2030**;
- iii. **pembangunan Institut Latihan Perladangan di Batu Anam Segamat yang telah siap dibina pada 2023 dan cadangan pembangunan Kolej Kemahiran Tinggi MARA** menjelang 2030 di atas tanah milik MARA **berkeluasan 80 ekar** untuk melahirkan sumber tenaga mahir bagi sektor perindustrian;
- iv. **cadangan pertambahan zon guna tanah kawasan industri seluas 3,126.68 hektar** menjelang tahun 2030 berbanding kawasan industri sedia ada seluas **488.42 hektar (tahun 2017)** yang melibatkan sektor industri asas tani, bioteknologi dan perkayuan; dan
- v. **insentif cukai di bawah Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER)** untuk mendirikan kilang bagi menarik lebih ramai pelabur baru ke Daerah Segamat.

Kesimpulannya, Kerajaan MADANI sentiasa menyokong dan mengamalkan **pembangunan yang berlandaskan kepada pertumbuhan ekonomi, kesejahteraan sosial dan perlindungan alam sekitar** untuk meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat. Semua pihak termasuklah Kerajaan Persekutuan, Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan sektor swasta perlu bekerjasama dalam memastikan perancangan projek-projek pembangunan yang telah digariskan ini dapat dilaksanakan bagi meningkatkan pembangunan sektor ekonomi utama khususnya sektor perindustrian di daerah Segamat untuk menarik golongan muda dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL
RAHMAN (MUAR)**

TARIKH : 28 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN (MUAR) minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan adakah Kementerian bersedia untuk menyahklasifikasikan setiap satu arahan MCMC kepada syarikat media sosial berkaitan penurunan kandungan media sosial yang tidak melibatkan jenayah bagi menjamin ketelusan dan keadilan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) menjalankan fungsi kawal selia dan penguatkuasaan dengan berpandukan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] dan juga tertakluk kepada undang-undang lain sedia ada tanpa mengira latar belakang mana-mana pihak. Setiap tindakan yang dilaksanakan terhadap kandungan yang melanggar undang-undang secara amnya adalah berbentuk permohonan kepada penyedia perkhidmatan dalam talian serta tertakluk kepada penilaian dan pertimbangan mereka berdasarkan garis panduan komuniti yang telah ditetapkan. Justeru, tidak wujud sebarang keperluan bagi kementerian atau MCMC untuk menyahklasifikasikan apa-apa arahan terhadap penurunan kandungan yang dilakukan.

Dengan mengambil kira peningkatan kes kemudaran dalam talian yang berlaku pada masa ini, MCMC telah mengambil langkah proaktif dengan menetapkan syarat terhadap penyedia perkhidmatan untuk memohon Lesen Kelas Pemberian Perkhidmatan Aplikasi di bawah Akta 588 mulai 1 Ogos 2024 dan akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2025. Inisiatif ini diambil adalah untuk memastikan tindakan kawal selia dan penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan lebih menyeluruh khususnya dalam memerangi peningkatan aktiviti kemudaran dalam talian oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Dalam hal ni, penyedia perkhidmatan juga perlu memainkan peranan yang penting dan bertanggungjawab dalam mewujudkan ekosistem dalam talian yang lebih selamat serta pengalaman lebih baik untuk pengguna terutama buat kanak-kanak dan seisi keluarga.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
[BERA]**

TARIKH : 28 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB [BERA] minta MENTERI EKONOMI menyatakan :

- (a) berapa jumlah miskin tegar di negara ini sehingga September 2024 kerana kemiskinan merupakan satu keadaan yang sangat dinamik; dan
- (b) berapa jumlah pendapatan untuk keluar daripada miskin tegar dan adakah pendapatan golongan yang terkeluar daripada miskin tegar ini daripada pemberian kerajaan, bekerja atau berniaga.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

a) berapa jumlah miskin tegar di negara ini sehingga September 2024 kerana kemiskinan merupakan satu keadaan yang sangat dinamik

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan data daripada Laporan Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (HIES) 2022 yang diterbitkan pada Julai 2023, kadar kemiskinan tegar telah berkurang daripada 0.4 peratus pada tahun 2019 kepada 0.2 peratus atau sekitar 18.4 ribu isi rumah pada tahun 2022.
2. Manakala, berdasarkan Bank Data Kemiskinan Nasional eKasih sehingga 15 Oktober 2024, bilangan ketua isi rumah (KIR) miskin tegar direkodkan berjumlah 7,308 KIR.
3. Kerajaan sedar bahawa insiden kemiskinan tegar dan perangkaannya adalah bersifat dinamik. Sehubungan itu, Kerajaan telah dan terus berusaha untuk menangani isu ini melalui pemantapan pangkalan data sosioekonomi dan penambahbaikan program peningkatan pendapatan golongan sasaran.

b) Berapa jumlah pendapatan untuk keluar daripada miskin tegar dan adakah pendapatan golongan yang terkeluar daripada miskin tegar ini daripada pemberian kerajaan, bekerja atau berniaga.

1. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, secara umumnya, status kemiskinan tegar diukur menggunakan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) makanan bagi membolehkan setiap ahli isi rumah menjalani kehidupan yang sihat dan aktif. Berdasarkan Laporan Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah 2022 (HIES 2022), nilai PGK makanan yang ditetapkan ialah RM1,198 sebulan.
2. Kerajaan melaksanakan beberapa tindakan intervensi melalui pelbagai kaedah termasuk melalui pemberian tunai serta bantuan secara *in-kind* bagi menyokong dan menggalakkan golongan sasaran untuk

menjalankan aktiviti ekonomi bagi menjana pendapatan tambahan secara mampan sekaligus keluar daripada kepompong miskin tegar.

3. Bagi jangka masa pendek di bawah Belanjawan 2024, Kerajaan menyediakan pelbagai inisiatif antaranya Sumbangan Tunai Rahmah (STR), Sumbangan Asas Rahmah (SARA), subsidi kepada pesawah dan pekebun kecil serta projek pembaikan melibatkan infrastruktur luar bandar dan program pembasmian kemiskinan. Usaha ini juga turut diperkasakan melalui pemberian bantuan kewangan bulanan oleh Majlis Agama Islam Negeri serta pusat pungutan zakat di peringkat negeri.

4. Bagi strategi jangka masa sederhana dan panjang di bawah KSP RMKe-12, pelbagai program dan projek serta inisiatif sedang dan akan dilaksanakan sebagai usaha bagi membasmi kemiskinan termasuk melalui program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) yang diterajui oleh Kementerian Ekonomi.

5. Di bawah IPR, templat program dibangunkan dan bantuan secara *in-kind* diberi kepada peserta bagi menyokong dan menggalakkan mereka untuk berniaga dan bekerja untuk menjana pendapatan tambahan secara mampan.

6. Pelaksanaan IPR telah berjaya membuah hasil yang memberangsangkan. Sebagai contoh, terdapat peserta IPR telah berjaya meraih hasil jualan bulanan berjumlah RM21,900 pada bulan Januari 2024 melibatkan perniagaan makanan menerusi mesin layan diri yang beroperasi di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Machang, Kelantan.

7. Kerajaan juga menekankan aspek pembangunan modal insan golongan sasar miskin tegar bagi menjamin kemampanan program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan. Sebagai contoh, Kementerian Ekonomi juga melaksanakan program peningkatan kapasiti dan modal insan serta kursus pengurusan asas kewangan dan *book keeping* kepada peserta-peserta IPR yang dilaksanakan dengan kerjasama strategik universiti awam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN JAMALUDIN BIN YAHYA
[PASIR SALAK]**

TARIKH : 28 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN JAMALUDIN BIN YAHYA [PASIR SALAK] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kementerian berhasrat menggabungkan fungsi Jawatankuasa Komuniti Desa Madani (JKDM) dan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) mengambil kira kedua-dua jawatankuasa ini menjalankan fungsi yang hampir sama sekaligus mampu mengurangkan tenaga kerja dan kos pengurusan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk maklumat, pelaksanaan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) dan Jawatankuasa Komuniti Desa Madani (JKDM) merupakan dua pelaksanaan program yang berbeza. Penubuhan JKDM dibawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) adalah bertujuan untuk menyelaraskan usaha-usaha membasmi kemiskinan tegar dikalangan masyarakat luar bandar. Penubuhan JKDM ini bersifat melengkapi terhadap peranan dan kewujudan JPKK sedia ada oleh pihak Kerajaan Negeri.

Sehubungan dengan itu, tidak timbul isu berlaku pertindihan peranan atau fungsi antara JPKK dan JKDM. Tambahan lagi, pelaksanaan JKDM pada masa ini dilaksanakan secara rintis hanya di Sabah, Pulau Pinang dan Selangor sahaja dan tidak secara menyeluruh di semua negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : KAPTEN DATO' DR. ZULKAFPERI
BIN HANAPI (BERSARA) (TANJONG
KARANG)**

TARIKH : BERTULIS

SOALAN

**KAPTEN DATO' DR. ZULKAFPERI BIN HANAPI (BERSARA)
(TANJONG KARANG)** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan pihak Kementerian Kesihatan dalam usaha membaik pulih bangunan uzur yang berusia lebih 15 tahun serta kuarters anggota kesihatan di hospital dan pejabat kesihatan bagi kemudahan anggota kesihatan di barisan hadapan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kementerian Kesihatan komited untuk memastikan fasiliti kesihatan berada dalam keadaan baik bagi kemudahan anggota kesihatan di barisan hadapan. Bagi memastikan keadaan fasiliti kesihatan sentiasa berada pada tahap optimum, aktiviti pemeriksaan bangunan dilaksanakan mengikut jadual bagi tujuan penyelenggaraan, pemuliharaan, pemuliharaan, ubah suai atau naik taraf. Berdasarkan hasil pemeriksaan tersebut, keperluan peruntukan akan dikemukakan sama ada melalui Belanja Mengurus (OE) atau Belanja Pembangunan (DE).
2. Selain itu, Kementerian Kesihatan melaksanakan inisiatif khusus bagi menaik taraf fasiliti kesihatan yang uzur seperti berikut:
 - (a) Inisiatif Baik Pulih dan Naik Taraf Hospital Lama; dan
 - (b) Inisiatif Baik Pulih Klinik Daif;
3. Di samping itu, KKM melaksanakan program penyelenggaraan di fasiliti kesihatan seperti berikut:
 - (a) Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH) melibatkan penyelenggaraan komprehensif bagi semua hospital KKM yang merangkumi semua bidang awam dan arkitektural, elektrik dan mekanikal, perkhidmatan pembersihan, pengurusan sisa dan linen; dan
 - (b) Perkhidmatan Sokongan Klinik (PSK) melibatkan pelaksanaan kontrak penyelenggaraan berjadual dan sistematik bagi 201 klinik kesihatan Kementerian Kesihatan merangkumi perkhidmatan penyelenggaraan kejuruteraan fasiliti dan perkhidmatan pembersihan. Kementerian ini juga sedang merancang untuk peluasan pelaksanaan PSK ini di keseluruhan fasiliti klinik kesihatan.
4. Manakala, bagi fasiliti kesihatan selain di bawah program PSH dan

SOALAN NO : 23

PSK, pelaksanaan aktiviti penyelenggaraan dilaksanakan secara lantikan dalaman melalui kaedah perolehan sebut harga.

Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN HAJI
ABDULLAH [LANGKAWI]**

TARIKH : 28 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN HAJI ABDULLAH [LANGKAWI] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status terkini pelaksanaan sistem kutipan tol secara Aliran Bebas Pelbagai Lorong (MLFF) termasuk perjanjian perlantikan antara pihak Kerajaan dan syarikat pencadang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan MLFF adalah salah satu inisiatif Kementerian untuk menambah baik sistem kutipan tol dan seterusnya akan melancarkan transaksi pembayaran tol di mana pengguna tidak lagi perlu memberhentikan atau memperlahankan kenderaan bagi membuat bayaran tol sekaligus meningkatkan kelancaran perjalanan pengguna di lebuhraya.

Pada masa ini pihak Kementerian Kerja Raya (KKR) masih menjalankan rundingan dengan pihak syarikat pencadang sebagai mana kelulusan prinsip yang telah diberikan oleh Jemaah Menteri. Syarikat Pencadang juga sedang berunding dengan syarikat – syarikat konsesi lebuhraya bagi mendapatkan persetujuan. Tempoh rundingan berdasarkan Perjanjian Pelantikan akan tamat pada 16 Disember 2024.

Cabaran utama yang dihadapi dalam pelaksanaan MLFF ini adalah bagi memuktamadkan struktur tadbir urus (governance) pelaksanaannya kerana ianya melibatkan banyak pihak terutama dalam mendapatkan persetujuan daripada setiap syarikat konsesi lebuhraya. Antara lain cabaran yang dihadapi adalah dalam merangka rang undang-undang pelaksanaan MLFF di mana cadangan pindaan atau mewujudkan akta baru bagi menangani isu pencerobohan dan kesalahan tol perlu diteliti dengan mengambilkira akta-akta sedia ada.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA BUNG MOKTAR
BIN RADIN [KINABATANGAN]**

TARIKH : 28 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA BUNG MOKTAR BIN RADIN [KINABATANGAN] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan langkah-langkah proaktif yang diambil untuk mengeluarkan Kinabatangan dari status kemiskinan, khususnya berkaitan dengan wajaran dalam pengiraan Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi, termasuk akses kepada pendidikan, kesihatan, perumahan mampu milik, kemudahan asas berkualiti dan peningkatan pendapatan rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara umumnya Malaysia mengukur kemiskinan menggunakan tiga kaedah iaitu kemiskinan mutlak, kemiskinan relatif dan kemiskinan pelbagai dimensi. Berdasarkan HIES 2022 yang terkini, nilai Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) peringkat nasional bagi tahun 2022 adalah RM2,589 manakala PGK di negeri Sabah adalah RM2,742. Berdasarkan dapatan ini, negeri Sabah mencatatkan insiden kemiskinan yang tinggi pada 19.7 peratus berbanding kadar kemiskinan nasional pada 6.2 peratus. Manakala kadar kemiskinan di daerah Kinabatangan adalah pada 28.9 peratus dalam tempoh yang sama.

2. Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) dibangunkan sebagai pelengkap kepada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Pengukuran menggunakan MPI dapat membantu mengenal pasti tahap ketersisihan rakyat dengan lebih menyeluruh selain dimensi pendapatan iaitu pendidikan, kesihatan dan taraf hidup. Berdasarkan HIES 2022, MPI di negeri Sabah adalah 0.0498 berbanding MPI di peringkat nasional 0.0079.

3. Kerajaan melalui Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKe-12) terus menumpukan usaha membasmi kemiskinan pelbagai dimensi di Sabah. Tumpuan diberi untuk mempertingkatkan penyediaan infrastruktur, mengoptimumkan potensi ekonomi, menambah baik akses kepada perkhidmatan sosial, pendidikan berkualiti, kesihatan dan kemudahan asas.

4. Dalam usaha ini, sebanyak 22 projek/program dengan peruntukan sebanyak RM97.49 juta diluluskan di bawah peruntukan *Rolling Plan* 4 Tahun 2024 khususnya bagi Parlimen Kinabatangan. Peruntukan ini adalah bagi melaksanakan program/projek di bawah butiran Jalan Luar Bandar (JALB), Jambatan Luar Bandar (JMLB), Bekalan Air Luar Bandar (BALB), Program Bersepadu Pemajuan Kawasan dan Program Lonjakan Mega Luar Bandar melalui Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah.

5. Selain itu, inisiatif yang sedang dilaksanakan di negeri Sabah yang memberi kesan limpahan kepada kawasan Kinabatangan termasuk:

- i. Mempergiat penyediaan infrastruktur asas di kawasan luar bandar dan pedalaman antaranya beberapa pakej Lebuhraya Pan Borneo yang dapat meningkatkan ketersambungan dan mobiliti;
- ii. Menaik taraf Jalan Linayukan, Tongod, Ke Sinaron dan Jalan Bangkulat ke Kampung Imbak, Tongod.
- iii. Meningkatkan penjanaan elektrik di pantai timur Sabah melalui pembinaan loji janakuasa baharu dan kerja menaik taraf talian penghantaran Grid Timur-Barat Sabah dan bekalan elektrik alternatif;
- iv. Menambah baik kesalinghubungan pengangkutan antara kawasan luar bandar dan bandar bagi menggalakkan lagi integrasi ekonomi; dan
- v. Memperluas liputan jalur lebar bagi meningkatkan aktiviti sosioekonomi melalui platform digital dengan pelaksanaan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA).
- vi. Meningkatkan sosioekonomi melalui projek pemajuan kawasan Sukau dan projek bersepadu pembangunan ekonomi kampung (PROSPEK) Tongod.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD SYAHIR BIN CHE
SULAIMAN [BACHOK]**

TARIKH : 28 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN HAJI MOHD SYAHIR BIN CHE SULAIMAN [BACHOK] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah strategi khusus dalam usaha membasmi kadar kemiskinan Bumiputera yang tinggi di mana kira-kira 7.9% atau lebih 415,400 isi rumah Bumiputera didapati masih hidup dalam kemiskinan berbanding 1.9% untuk isi rumah Cina dan 5.4% untuk isi rumah India pada 2022.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan terus beriltizam untuk mengurangkan jurang nisbah pendapatan bagi merapatkan kesenjangan tanpa mengira latar belakang kaum dan wilayah menerusi pendekatan baharu yang memberi penekanan kepada usaha mengatasi masalah struktur ekonomi bagi membolehkan isi rumah menjana pendapatan secara mampan di bawah Kerangka Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat bagi mengangkat darjat dan taraf hidup rakyat.

2. Berdasarkan Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (HIES) 2022, pendapatan penengah bulanan isi rumah Bumiputera mencatatkan nilai terendah dengan RM5,793, sementara isi rumah Cina dan India masing-masing mencatatkan pendapatan penengah bulanan sebanyak RM8,167 dan RM6,627. Ini menunjukkan jurang pendapatan yang signifikan antara kumpulan etnik utama di Malaysia dengan nisbah pendapatan penengah bulanan isi rumah Bumiputera kepada Cina 0.71 : 1 manakala Bumiputera kepada India pula 0.87 : 1. Di samping itu, data nisbah gaji dan upah penengah bulanan pada tahun 2021 juga menunjukkan wujudnya jurang antara isi rumah Bumiputera kepada Cina iaitu 0.78 : 1.

3. Berdasarkan jurang pendapatan serta kadar kemiskinan yang tinggi bagi isi rumah Bumiputera (7.9 peratus) dibandingkan dengan isi rumah Cina (1.9 peratus) dan India (5.4 peratus), Kerajaan terus memberikan tumpuan terhadap usaha membasmi kemiskinan, merapatkan jurang pendapatan dan meningkatkan darjat rakyat secara menyeluruh khususnya melibatkan Bumiputera dengan mengamalkan prinsip keadilan berdasarkan keperluan (*needs based*) seperti mana prinsip MADANI.

4. Beberapa strategi dan langkah jangka pendek dan jangka panjang dalam Bajet 2024 dan Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Kedua Belas sedang dan akan dilaksanakan Kerajaan bagi

mengurangkan kadar kemiskinan serta meningkatkan darjat hidup rakyat selaras dengan aspirasi Ekonomi MADANI.

5. YAB Perdana Menteri pada 19 Ogos 2024 telah melancarkan Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35) yang bertemakan Penyertaan, Pemilikan dan Penguasaan Bumiputera yang lebih bermakna bagi mengangkat darjat dan martabat Bumiputera. Di bawah PuTERA35 tersebut, terdapat 9 sasaran utama yang telah ditetapkan untuk dicapai dalam tempoh 10 tahun dengan pelaksanaan 132 ikhtiar yang dipertanggungjawabkan kepada semua Kementerian dan agensi termasuk GLC dan GLIC serta pihak swasta.

6. PuTERA35 memberi penekanan terhadap tiga teras utama, iaitu Memperkukuh Pasak Ekonomi Negara, Memperteguh Kerukunan Tatakelola dan Institusi dan Menegakkan Keadilan Sosial. Antara 9 sasaran utama PuTERA35 adalah bagi mengurangkan jurang nisbah bagi pendapatan penengah bulanan isi rumah Bumiputera kepada Cina iaitu daripada 0.71 : 1 pada tahun 2022 kepada 0.9 : 1 pada tahun 2035, manakala sasaran nisbah gaji dan upah penengah bulanan Bumiputera kepada Cina iaitu daripada 0.78:1 pada tahun 2021 kepada 0.9 : 1 pada tahun 2035.

7. Sasaran khusus ini akan dicapai melalui pelaksanaan semua **strategi atau IKHTIAR** di bawah **7 Pemacu** di bawah **PuTERA35**. Antara pemacu utama adalah **Pemacu 1** yang menekankan penguasaan ekonomi merangkumi pengawalan sektor ekonomi dalam pelbagai aspek seperti pemilikan syarikat dan pengagihan sumber. Antara ikhtiar utama di bawah pemacu ini adalah meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam industri *high growth high value* (HGHV) dan berasaskan teknologi termaju.

8. Selain itu, 6 Pemacu lain di bawah PuTERA35 yang turut memberi fokus dalam mengurangkan jurang nisbah bagi pendapatan penengah, nisbah gaji dan upah penengah bulanan isi rumah antara kaum Bumiputera, Cina dan India. Pemacu tersebut adalah seperti berikut:

- **Pemacu 7** yang menekankan penyertaan syarikat swasta, GLC dan GLIC menumpukan usaha dalam menyokong agenda pembangunan Bumiputera. Peranan ini didokong melalui penyertaan Bumiputera dalam syarikat swasta, GLC dan GLIC; penglibatan Bumiputera dalam industri strategik dan berimpak tinggi; serta melibatkan penyertaan Bumiputera dalam program di bawah kawal selia syarikat swasta, GLC dan GLIC;
- **Pemacu 8** yang memberi tumpuan kepada usaha untuk memperkukuh kesedaran, pemahaman dan penghayatan terhadap prinsip pemeraksanaan agenda Bumiputera dalam kalangan agensi yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan ikhtiar;
- **Pemacu 9** yang menetapkan iltizam untuk menoktahkan kemiskinan tegar dalam kalangan Bumiputera dengan tumpuan kepada aktiviti ekonomi, akses kepada pendidikan dan penjagaan kesihatan serta peluang pekerjaan;
- **Pemacu 10** bertujuan menambahbaik sistem sokongan sosial untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat;
- **Pemacu 11** yang memberi fokus kepada pembangunan sosioekonomi Orang Asli dengan memperkasa komuniti Orang Asli agar tidak ketinggalan dalam arus pembangunan negara; dan
- **Pemacu 12** yang menekankan pengukuhan Pembangunan Sabah dan Sarawak bertujuan mengoptimumkan potensi ekonomi bagi mencapai keseimbangan wilayah selaras dengan aspirasi pembangunan negara.

9. Dalam hubungan ini, Kerajaan telah mensasarkan insiden kemiskinan tegar Bumiputera sifar pada tahun 2035 di bawah PuTERA35, dan akan terus berusaha bagi meningkatkan penyertaan, pemilikan dan

penguasaan Bumiputera yang lebih bermakna bagi mengangkat darjat dan martabat Bumiputera secara keseluruhannya.

10. Dalam hubungan ini, bagi meningkatkan sosio ekonomi dan mengurangkan jurang pendapatan kaum India, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM100 juta pada tahun 2024 kepada Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi tujuan pemerikasaan masyarakat India. Peruntukan ini digunakan bagi pelaksanaan program pemerikasaan ekonomi, pendidikan, dan kerohanian. Peruntukan ini antara lain digunakan bagi pemberian bantuan kewangan kepada termasuk biasiswa dan pinjaman bagi menampung yuran pengajian masyarakat India terutama golongan B40. Di samping itu juga, peruntukan ini digunakan bagi tujuan pembangunan sosial, kebajikan dan kebudayaan serta kesukanan terutama bagi golongan B40.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD AZIZI BIN ABU NAIM
[GUA MUSANG]**

TARIKH : 28 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN MOHD AZIZI BIN ABU NAIM [GUA MUSANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini Hospital Gua Musang berkenaan proses naik taraf kemudahan perubatan, pertambahan doktor pakar dan pegawai perubatan. Apakah kelengkapan perubatan terkini dan berapa bilangan doktor pakar tetap di Hospital Gua Musang sehingga akhir bulan September 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Hospital Gua Musang merupakan hospital yang dinaik taraf dari hospital tanpa pakar kepada hospital berpakar minor secara berperingkat di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 dan Rancangan Malaysia Ke-13.
2. Setakat September 2024, Kementerian Kesihatan telah meningkatkan perkhidmatan kepakaran di hospital tersebut daripada perkhidmatan secara lawatan pakar (*visiting specialist*) kepada perkhidmatan kepakaran residen dalam 9 bidang kepakaran iaitu Perubatan Am, Perubatan Kecemasan dan Trauma, Pembedahan Am, Anestesiologi, Obstetrik dan Ginekologi, Pediatrik, Radiologi, Psikiatri dan Ortopedik. Seramai sembilan (9) Pakar Perubatan dan 31 Pegawai Perubatan berkhidmat di Hospital Gua Musang.
3. Selain itu, Hospital Gua Musang turut menerima perkhidmatan kepakaran lain seperti Otorinolaringologi, Oftalmologi, Dermatologi dan Pembedahan Pediatrik melalui lawatan berkala oleh pakar-pakar dari Hospital Sultan Ismail Petra (HSIP), Kuala Krai dan Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II), Kota Bharu.
4. Selari dengan perancangan untuk menjadi sebuah hospital pakar, Kementerian Kesihatan telah menempatkan sejumlah peralatan baharu bagi menyokong perkembangan perkhidmatan di Hospital Gua Musang. Dalam tempoh tahun 2022 hingga 2024, Hospital Gua Musang telah menerima peruntukan kewangan sebanyak RM8.5 juta di mana peruntukan ini termasuk kos penempatan mesin Imbasan *Computed Tomography* (CT Scan) berteknologi canggih bagi membolehkan pelbagai imbasan dilakukan di hospital tersebut berbanding pesakit perlu mendapatkan perkhidmatan ini di hospital-hospital lain seperti di Hospital Sultan Ismail Petra (HSIP), Kuala Krai dan Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu.
5. Selain daripada peralatan tersebut, Hospital Gua Musang juga akan menerima pelbagai peralatan canggih lain seperti *Mobile C-Arm*, *Ultrasound with ECHO Probe*, Ventilator dan mesin Hemodialisis.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN
[JERANTUT]**

TARIKH : 28 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

**IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN [JERANTUT] minta
MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH menyatakan:**

- (a) perkembangan terkini pembayaran hutang FELCRA kepada Kerajaan melalui penjualan projek Semarak 20; dan
- (b) kekangan daripada pihak Kementerian untuk mengagihkan dividen FELCRA kepada peserta secara bulanan, bukan tiga kali setahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

A) Adalah dimaklumkan projek Semarak20 merupakan satu projek pembangunan hartanah bercampur yang terdiri daripada 1 blok pejabat 35 tingkat dan 1 blok pangsapuri servis 43 tingkat (480 unit) yang telah siap sepenuhnya dan telah mendapat Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) pada Disember 2023. Projek ini telah dibangunkan menggunakan sumber pinjaman Kerajaan dan sumber dalaman syarikat sebanyak RM544 juta.

Sehingga kini, FELCRA Berhad masih belum menjual projek Semarak20 namun bayaran balik hutang Pinjaman Kerajaan bagi membiayai Projek Semarak20 telah pun bermula Januari 2024 dengan menggunakan sumber dana dalaman FELCRA sendiri sebanyak RM5.482 juta setiap bulan. Sehingga kini, jumlah bayaran yang telah dibuat adalah sebanyak RM49.346 juta sepertimana jadual di bawah :-

TARIKH BAYARAN	POKOK	FAEDAH	ANUITI
15/1/2024	2,764,737.18	2,718,229.65	5,482,966.83
9/2/2024	2,776,256.92	2,706,709.91	5,482,966.83
14/3/2024	2,787,824.66	2,695,142.17	5,482,966.83
8/4/2024	2,799,440.59	2,683,526.24	5,482,966.83
16/5/2024	2,811,104.93	2,671,861.90	5,482,966.83
14/6/2024	2,822,817.87	2,660,148.96	5,482,966.83

15/7/2024	2,834,579.61	2,648,387.22	5,482,966.83
14/8/2024	2,846,390.36	2,636,576.47	5,482,966.83
11/9/2024	2,858,250.32	2,624,716.51	5,482,966.83
BAY. BALIK JAN- SEP 2024	25,301,402.44	24,045,299.03	49,346,701.47

B) Keuntungan boleh agih (dividen) ialah pendapatan bersih yang diperolehi oleh projek setelah ditolak kos operasi dan potongan-potongan wajib yang lainnya iaitu kos pembangunan, caj pengurusan, caj pemasaran, Tabung Tanam Semula, Skim Perlindungan Tanaman, Skim Insurans Peserta dan bayaran CAC (Cukai Kepada Kerajaan Negeri).

Bayaran dividen bagi projek Penyatuan & Pemulihan (P&P) FELCRA adalah secara tiga (3) kali setahun kepada projek-projek yang berhasil dan mempunyai lebihan (keuntungan).

Kaedah pengagihan keuntungan kepada peserta adalah di mana setiap peserta menerima keuntungan mengikut saiz pegangan pemilikan dari lot tanah dalam projek berkenaan

Berdasarkan kepada maklumat pemilikan FELCRA Berhad, purata luas pegangan setiap peserta yang kurang daripada 2.00 hektar adalah berjumlah 82% bersamaan dengan 88,212 orang peserta. Justeru pembayaran dividen secara bulanan tidak setimpal dengan keluasan yang dimiliki peserta.

Walaupun bagaimanapun, masih terdapat 16 projek yang membayar dividen secara bulanan dengan mengambil kira kemampuan projek tersebut untuk mencatatkan jumlah pendapatan yang tinggi dan purata lot pemilikan peserta berkeluasan dari 2.6 hingga 4.0 hektar.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL [JASIN]

TARIKH : 28 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL [JASIN] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan perancangan Kementerian melalui LKIM berkenaan masa hadapan para nelayan di Melaka khususnya di Jasin yang dilihat semakin tertekan kerana kurangnya hasil tangkapan impak daripada pembangunan di kawasan pantai dan laut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan prihatin terhadap masa hadapan para nelayan di Melaka khususnya di Jasin. Oleh yang demikian, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah dan sedang melaksanakan pelbagai usaha untuk membantu meningkatkan pendapatan dan sosioekonomi golongan nelayan.

Antara usaha yang diambil oleh LKIM adalah melalui projek Pembesaran Unjam Bagi Komuniti Nelayan yang mula dilaksanakan pada 25 Jun 2024 dan sebanyak 25 unjam telah dilabuhkan pada 13 dan 14 November 2024. LKIM turut meneruskan pelaksanaan Program Peningkatan Pendapatan-Insentif/ Bantuan Peralatan Penangkapan Ikan dan Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) bertujuan membantu meningkatkan pendapatan golongan nelayan yang berkecukupan, di samping meringankan beban nelayan berikutan kenaikan kos sara hidup.

Selain itu, KPKM melalui Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) juga mengambil langkah bagi membantu meningkatkan pendapatan nelayan-nelayan yang terkesan melalui program myAgropreneur Perikanan (myAP) dan myKomuniti Perikanan (myKP) serta memperkenalkan ternakan kupang dan kerang untuk diusahakan oleh nelayan setempat. Dana Jaminan Makanan untuk Program Pemodenan Vesel dan Mekanisasi Tangkapan juga disediakan bagi tujuan menaik taraf vesel dan peralatan menangkap ikan.

Bagi mengurangkan kerosakan habitat dan meningkatkan pemuliharaan ekosistem marin khususnya di perairan Melaka, DOF telah melaksanakan *exit policy* pukut tunda Zon B, mewartakan kawasan refugia, taman laut dan santuari serta meningkatkan bilangan tukun tiruan di kawasan-kawasan zon larangan pukut tunda. Tindakan ini dapat meningkatkan populasi dan pembiakan ikan dalam jangka

masa panjang seterusnya dapat meningkatkan hasil tangkapan nelayan.

Pada masa ini, pihak pemaju dikehendaki melaksanakan Kajian Impak Alam Sekitar (EIA) dan Kajian Impak Sosial (SIA) sebagai syarat kelulusan projek tambak laut. DOF dalam proses untuk mewajibkan pelaksanaan Kajian Impak Perikanan (FIA) sebelum sesuatu projek tambak laut diluluskan melalui pindaan Akta Perikanan 1985 [Akta 317].

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WAN SAIFULRUDDIN BIN WAN JAN
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 28 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK WAN SAIFULRUDDIN BIN WAN JAN [TASEK GELUGOR] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perancangan Kementerian dalam membangunkan beberapa kawasan di Tasek Gelugor yang menjadi tumpuan pembinaan perumahan baru serta menyaksikan peningkatan penduduk yang tinggi, serta apa rancangan untuk menyediakan perumahan mampu milik dan infrastruktur yang mencukupi untuk populasi yang semakin meningkat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) komited melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memastikan rakyat mendapat akses terhadap perumahan yang berkualiti dan mampu dimiliki, selaras dengan nilai teras “Kesejahteraan” di bawah kerangka Malaysia MADANI.

Bagi membantu golongan berpendapatan rendah (B40) dan sederhana (M40), terdapat empat (4) program yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) di **Pulau Pinang** termasuk di Parlimen Tasek Gelugor iaitu:

(1) Program Rumah Mesra Rakyat (RMR)

Program ini dilaksanakan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan mampu memberi manfaat kepada golongan B40 yang mempunyai tanah sendiri atau tanah milik ahli keluarga yang diberi kebenaran. Sehingga 30 September 2024, terdapat **630 unit RMR telah siap dibina dan 10 unit dalam pembinaan** di Pulau Pinang. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **110 unit RMR** telah siap dibina di kawasan Parlimen Tasek Gelugor.

(2) Kediaman SPNB

Program ini dilaksanakan SPNB dan merupakan program perumahan mampu milik bagi golongan berpendapatan dalam kategori M40. Sehingga 30 September 2024, terdapat **1 projek dengan 404 unit Kediaman SPNB** telah siap dibangunkan. Buat masa ini, masih belum ada projek Kediaman SPNB dirancang pembinaannya di kawasan Parlimen Tasek Gelugor.

(3) Program Perumahan PR1MA

Program ini merupakan program rumah mampu milik (RMM) untuk golongan berpendapatan dalam kategori M40 yang dilaksanakan oleh Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA). Sehingga 30 September 2024, terdapat **3 projek** PR1MA dengan **2,415** unit yang mana **2 projek dengan 2,235 unit telah siap dibina** dan **1 projek dengan 180 unit sedang dalam pembinaan**. Buat masa ini, masih belum ada projek di bawah Program Perumahan PR1MA dirancang pembinaannya di kawasan Parlimen Tasek Gelugor.

(4) Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Program Residensi Rakyat (PRR)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sehingga kini Kerajaan telah pun **menyiapkan pembinaan empat (4) projek** Program Perumahan Rakyat (PPR) di Negeri Pulau Pinang iaitu **PPR Jalan Thamby, Butterworth (Taman Bagan Jaya), PPR Kampung Tok Suboh, Seberang Perai Tengah, PPR Mak Mandin, Butterworth, Pulau Pinang dan PPR Lorong Selamat, Georgetown (PPR Taman Manggis)**. Jumlah keseluruhan unit yang telah siap dibina adalah sebanyak **999 unit**.

Selain itu, terdapat **dua (2) projek** yang sedang dirancang pembinaannya di Pulau Pinang iaitu **PRR Kota Giam, Jelutong** di Daerah Timur Laut **pada tahun 2023**. Cadangan komponen pembangunan bagi projek PRR ini adalah melibatkan **500 unit rumah pangsa berbilang tingkat** berserta kemudahan asas seperti dewan, surau, tadika, taska, kedai dan gerai. Manakala satu (1) lagi cadangan projek terletak di Parlimen Tasek Gelugor iaitu **PRR Kepala Batas di Daerah Seberang Perai Utara**. Projek ini telah diluluskan pembinaannya pada **tahun 2022**. Ini menjadikan **jumlah keseluruhan PRR** yang akan dibina di Pulau Pinang adalah **1,000 unit**.

Dalam usaha memperbanyakkan bekalan PRR sama ada di Pulau Pinang atau seluruh negara, Kementerian sentiasa terbuka menerima cadangan tapak bagi pelaksanaan PRR baharu daripada pihak Kerajaan Negeri. KPKT akan mengemukakan permohonan bajet PRR baharu kepada Kementerian Ekonomi (KE) sekiranya tapak yang diserahkan oleh Kerajaan Negeri telah selesai semua urusan hak milik, sama ada diberikan secara percuma atau pada kadar nominal kepada KPKT, mempunyai keadaan fizikal yang baik, lokasi yang strategik serta bebas daripada sebarang bebanan tapak (*free from encumbrances*). Namun, kelulusan bajet ini adalah tertakluk kepada pertimbangan KE selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK]

TARIKH : 28 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan berkenaan rekod isu-isu yang melibatkan 3R (agama, kaum, dan raja) bagi memastikan keadilan serta prinsip kebebasan bersuara dapat dijaga dengan saksama, tanpa mengira kedudukan politik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Komunikasi melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang cuba menggugat keselamatan dan kesejahteraan negara dengan menyebarkan kandungan yang menyentuh isu kaum, agama dan institusi diraja ataupun 3R (*race, religion, royalty*). Dalam hal ini, MCMC bekerjasama erat dengan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi menguatkuasakan Akta Komunikasi dan Multimedia [Akta 588] serta undang-undang lain sedia ada seperti Kanun Keseksaan [Akta 574] dan Akta Hasutan 1948 [Akta 15] di bawah bidang kuasa PDRM.

Bermula daripada tahun 2022 sehingga 1 Oktober 2024, sebanyak 5,734 kandungan media sosial yang berkaitan 3R telah diturunkan oleh penyedia platform. Bagi tindakan penguatkuasaan pula, sebanyak 145 kes berkaitan 3R telah disiasat dan daripada jumlah tersebut sebanyak tujuh kes telah didakwa oleh Jabatan Peguam Negara dan empat kes telah dikenakan hukuman daripada pihak mahkamah.

Tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan bukanlah menyekat kebebasan bersuara tetapi untuk menjaga keseimbangan antara kebebasan bersuara dan perlindungan masyarakat secara keseluruhan, seterusnya menjamin keharmonian serta kesejahteraan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE
[BELURAN]**

TARIKH : 28 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

**DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE [BELURAN] minta MENTERI
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH menyatakan :**

- (a) bilangan anggota JKDM Sabah mengikut daerah yang telah dilantik; dan
- (b) berapa jumlah peruntukan yang telah disalurkan melalui JKDM Sabah mengikut kawasan setakat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) telah melantik sejumlah 2,152 Pengerusi dan Setiausaha Jawatankuasa Komuniti Desa Madani (JKDM) di Sabah yang juga dilaksanakan secara berfasa bermula 1 April 2024. Berikut merupakan pecahan JKDM mengikut daerah di Sabah:

Bil.	Daerah	Jumlah
1.	Kudat	150
2.	Kota Marudu	144
3.	Kota Belud	168
4.	Tuaran	121
5.	Sepanggar	55
6.	Kota Kinabalu	13
7.	Putatan	41
8.	Penampang	47
9.	Papar	60
10.	Kimanis	78
11.	Beaufort	82
12.	Sipitang	73
13.	Ranau	112
14.	Keningau	112
15.	Tenom	136
16.	Pensiangan	123
17.	Beluran	156
18.	Libaran	67
19.	Batu Sapi	31
20.	Sandakan	25
21.	Kinabatangan	114
22.	Lahad Datu	0
23.	Semporna	157
24.	Tawau	39
25.	Kalabakan	48
Jumlah Keseluruhan		2,152

NO SOALAN : 32

Walau bagaimanapun, mengambil kira pelaksanaan JKDM dibuat secara terus dari Kementerian, tidak timbul keperluan supaya peruntukan disalurkan ke daerah masing-masing melalui Kerajaan Sabah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : KOMANDER NORDIN BIN AHMAD ISMAIL
TLDM (BERSARA)
[LUMUT]**

TARIKH : 28 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

**KOMANDER NORDIN BIN AHMAD ISMAIL TLDM (BERSARA)
[LUMUT] minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan:**

- (a) adakah Kementerian menyemak status *paid-up* capital Syarikat Aerotree Sdn. Bhd. sebelum mereka diberikan kontrak perolehan pesawat UH-60 Black Hawk untuk Tentera Darat Malaysia; dan
- (b) mengapa perancangan awal untuk memperoleh pesawat jenis yang sama dari Tentera Udara Diraja Brunei dibatalkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kontrak Perolehan Perkhidmatan Sewaan Helikopter Black Hawk Untuk Pasukan Udara Tentera Darat (PUTD) telah dimeterai oleh Kerajaan secara tender terbuka dengan Syarikat Aerotree Defence & Services Sdn. Bhd. Kontrak ini melibatkan skop Perkhidmatan Sewaan 4 buah Helikopter Black Hawk UH-60A+ (*Digital Glass Cockpit*) dengan keupayaan misi penuh sebagai platform untuk mengendalikan helikopter pengangkutan taktikal utiliti yang diperlukan oleh PUTD untuk tempoh 5 tahun.

2. Berdasarkan garis panduan penilaian tender terbuka, sesuatu perolehan perlu dinilai melalui penilaian teknikal dan penilaian kewangan. Penilaian kewangan yang dilaksanakan akan menilai status modal berbayar semua petender. Dalam hal ini, Syarikat Aerotree Defence & Services Sdn. Bhd. merupakan salah satu petender yang berjaya melepasi kedua-dua peringkat penilaian.

3. Berhubung dengan perolehan pesawat yang sama dari Tentera Udara Diraja Brunei, perbincangan mengenainya telah diadakan antara Kementerian Pertahanan Malaysia dan Kementerian Pertahanan Brunei seawal tahun 2015 hingga tahun 2016. Sepanjang tempoh tersebut, beberapa inisiatif telah diambil untuk merealisasikan perolehan ini, termasuk penubuhan pasukan projek, lawatan penilaian ke Brunei serta persiapan Malaysia dari segi infrastruktur dan penyediaan sokongan logistik bersepadu.

4. Walau bagaimanapun, pada tahun 2016, Kerajaan pada masa itu memutuskan supaya cadangan perolehan ini tidak diteruskan berdasarkan faktor-faktor seperti kos penyediaan infrastruktur dan kekangan sumber kewangan bagi pengoperasiannya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN BIN
ABAS [MERSING]**

TARIKH : 28 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN BIN ABAS [MERSING] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian telah meneliti cadangan untuk melaksanakan dasar khusus bagi membendung prospek peningkatan harga hartanah dengan mengambil kira penubuhan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) komited memastikan penyediaan perumahan yang inklusif dan bersepadu selaras dengan prinsip MADANI yang mengutamakan kesejahteraan rakyat.

Penubuhan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) bukan sahaja akan **memacu ekonomi melalui aktiviti perniagaan tetapi juga turut menyediakan peluang pekerjaan yang signifikan, seterusnya meningkatkan permintaan kepada sektor hartanah**. Pelaksanaan JS-SEZ ini dijangka mampu mengukuhkan kedudukan Johor sebagai pusat ekonomi serantau dan memperluaskan hubungan ekonomi antara Malaysia dan Singapura, dengan memberi manfaat kepada kedua-dua negara dari segi pembangunan ekonomi, perdagangan, dan kemakmuran bersama.

KPKT juga maklum bahawa dengan penubuhan JS-SEZ ini akan turut memberikan impak kepada pasaran hartanah. Buat masa ini, KPKT masih **mengekalkan Dasar Perumahan Negara (2018 – 2025) sebagai dasar utama** yang menjadi rujukan dalam menerajui inisiatif penyediaan perumahan yang **inklusif, berkualiti, mampu dimiliki dan berdaya huni bagi meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat**. Ini akan disokong melalui **pelaksanaan dasar, program, projek serta inisiatif berdasarkan keperluan dan keutamaan setempat**.

Tambahan lagi, selaras dengan Perlembagaan Persekutuan, Jadual Kesembilan, Senarai III – Senarai Bersama, **Pihak Berkuasa Negeri (PBN) juga boleh menetapkan dasar khusus berkaitan perumahan yang dirasakan sesuai selagi mana ia tidak bercanggah dengan hasrat Perlembagaan Persekutuan**.

NO SOALAN : 34

Kerajaan MADANI melalui KPKT sentiasa memberikan keutamaan ke atas usaha untuk menyediakan akses kepada perumahan mampu milik dan berkualiti untuk rakyat. Dalam hubungan ini, **KPKT turut ingin menyeru PBN agar meneliti mekanisme yang boleh dilaksanakan di peringkat negeri** yang mana KPKT sentiasa mengamalkan prinsip kerjasama secara *whole-of government* dan *whole-of-nation* dalam memberikan khidmat terbaik demi kesejahteraan rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' KHLIR BIN MOHD NOR
[KETEREH]**

TARIKH : 28 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' KHLIR BIN MOHD NOR [KETEREH] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan perancangan yang telah diambil oleh Kementerian bagi menentukan lebih ramai anggota ATM dan veteran ATM dapat menunaikan ibadah haji yang merupakan rukun Islam yang kelima.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sentiasa berusaha membantu dan memudahcara anggota ATM yang masih dalam perkhidmatan mahupun yang telah bersara (veteran ATM) yang berhasrat menunaikan fardu haji. Bahkan kakitangan awam yang bertugas di dalam Kementerian Pertahanan turut mendapat manfaat ini. Sebagai makluman, pengurusan haji dalam ATM telah mula dilaksanakan oleh Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) sejak tahun 2000 lagi dengan mendapat kerjasama erat pihak Tabung Haji.

2. Secara umumnya, kaedah untuk menunaikan fardu haji dalam ATM adalah melalui kuota Tabung Haji (TH), di mana semua peringkat anggota ATM semasa dalam perkhidmatan digalakkan untuk membuka akaun di TH dan memupuk amalan menabung melalui potongan gaji mereka. Anggota ATM juga diberikan kesedaran untuk pergi haji dalam usia muda dengan membuat pendaftaran haji di TH dengan mempunyai baki minimum dalam akaun TH sebanyak RM1,300. Semua anggota tentera yang telah membuat pendaftaran haji layak dipilih untuk menunaikan haji apabila tiba giliran tahun peruntukan bagi menunaikan haji mereka.

3. Selain itu, semenjak tahun 2022, Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) telah memperkenalkan Skim Pengeluaran Haji, di mana para pencarum LTAT dibenarkan membuat pengeluaran haji dengan jumlah maksima sebanyak RM10,000 dengan syarat pencarum menerima Surat Pengesahan Tawaran Menunaikan Ibadah Haji daripada Lembaga Tabung Haji (TH) serta mencarum sekurang-kurangnya 15 tahun dalam LTAT.

4. Namun demikian, sekiranya veteran dan anggota ATM tidak dapat menunaikan haji melalui kuota TH, mereka ada pilihan untuk menunaikan haji melalui kuota ATM. Usaha ini telah dimulakan pada tahun 2011, di mana ATM melalui KAGAT telah meluaskan kerjasama melibatkan pengurusan permohonan visa haji melalui Kedutaan Besar Kerajaan Arab Saudi yang telah diselaraskan oleh Pejabat Attache Ketenteraan di Jakarta. Manakala mulai tahun 2015, pengurusan ini telah dibuat secara

lebih teratur dengan Pejabat Attache Ketenteraan Arab Saudi di Kuala Lumpur.

5. Suka dijelaskan juga, bagi memastikan pengurusan Haji ATM berjalan dengan tertib dan teratur, telah di bentuk sebuah Jawatankuasa Pengurusan Haji ATM (JKPH ATM) dan Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Haji ATM (JKTPH ATM), yang diwakili setiap perkhidmatan ATM (Darat, Laut dan Udara). Antara tugas Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Haji ATM (JKTPH ATM) ialah memilih dan melantik syarikat pelancongan (Travel Agency) yang berkelayakan bagi pengurusan Haji ATM bagi tahun berkenaan.

6. Berdasarkan rekod, penyertaan rombongan haji ATM bagi tempoh 7 tahun yang lepas (2018 hingga 2024), di mana pada tahun 2020 dan 2021 tiada ibadah haji dilakukan kerana wabak penyakit COVID-19, seramai 780 orang telah menunaikan ibadah haji yang terdiri dari seramai 357 anggota ATM, 316 veteran ATM dan 107 kakitangan awam Kementerian Pertahanan. Pada tahun ini (2024), seramai 102 orang telah menyertai Rombongan Haji ATM.

7. Perancangan yang akan diambil oleh ATM bagi musim haji tahun 2025M/1446H yang akan datang ialah menawarkan dua pakej haji iaitu pakej premium dan pakej rahmah. Pakej premium ini menyediakan kelengkapan, kemudahan dan perkhidmatan alternatif untuk jemaah haji yang mengutamakan keselesaan terutama di kawasan Masya'ir. Manakala pakej rahmah pula adalah opsyen kepada jemaah haji ATM yang memilih untuk tidak menunaikan haji menerusi pakej premium dalam membantu bakal haji ATM dengan menyediakan pakej pada harga munasabah dan lebih murah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN FATHUL HUZIR BIN AYOB [GERIK]

TARIKH : 28 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN FATHUL HUZIR BIN AYOB [GERIK] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bajet penyelenggaraan jalan dan lampu jalan/ lampu solar bagi laluan Jalan Persekutuan FT1157 Kg. Lalang - Felda Nenering - Kg. Air Panas memandangkan laluan ini merupakan laluan sempadan negara Malaysia Thailand dan berpotensi untuk berlakunya jenayah rentas sempadan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi **Parlimen Gerik Jalan Persekutuan yang terlibat adalah laluan FT04, Lebuhraya Timur - Barat, FT076 Jalan Baling – Pangkalan Hulu, FT077 Jalan Pangkalan Hulu – Betong, FT1157 Jalan Leping Nenering dan FT1146 Jalan Felda Bersia sepanjang 212.3 km yang disenggara oleh syarikat konsesi penyenggaraan Jalan Persekutuan.**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keseluruhan peruntukan yang telah disalurkan bagi kerja-kerja penyenggaraan di Jalan-jalan Persekutuan di dalam kawasan Parlimen Gerik adalah berjumlah RM18.72 juta untuk tahun 2022 dan RM75.23 juta untuk tahun 2023. Sehingga Oktober 2024, Kementerian ini telah meluluskan peruntukan sebanyak RM17.39 juta di Jalan-jalan Persekutuan di dalam kawasan Parlimen Gerik.

Kelulusan kerja-kerja ini merangkumi RM5.4 juta bagi kerja-kerja Penyenggaraan Rutin, RM10.29 juta bagi Program Penyenggaraan Berkala Pavemen, RM0.4 juta bagi Program Penyenggaraan Berkala Bukan Pavemen, RM0.6 juta bagi Program Penyenggaraan Jambatan dan RM0.7 juta bagi Program Penyenggaraan Lampu Jalan dan Lampu Isyarat.

Kementerian ini memahami isu yang dibangkitkan iaitu bajet penyenggaraan jalan di laluan Persekutuan FT1157 Jalan Leping Nenering iaitu sepanjang 23.02 km. Kementerian ini telah menyalurkan peruntukan bagi Penyenggaraan Rutin yang melibatkan kerja penyenggaraan pavemen, penyenggaraan bahu jalan, potong rumput R03, perabot jalan, mencuci jambatan dan pembedung, mencuci longkang serta pemeriksaan rutin iaitu sebanyak RM568 ribu.

Bagi lokasi aduan di laluan Persekutuan FT1157, Kementerian ini telah mengenal pasti kerosakan permukaan jalan yang dianggarkan berjumlah RM14.8 juta bagi Program Berkala Pavemen manakala RM1.05 juta bagi

Program Berkala Bukan Pavemen di laluan tersebut. Namun begitu, kelulusan kerja ini adalah tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan serta senarai keutamaan kerja yang disediakan oleh Jabatan Kerja Raya berdasarkan penilaian tahap kritikal kerosakan jalan bagi keseluruhan jaringan Jalan Persekutuan di bawah seliaan Kementerian ini.

Selain itu, Kementerian ini telah menerima permohonan penyenggaraan lampu jalan yang melibatkan kerja-kerja mengganti kabel bawah tanah dan penyelenggaraan lampu di persimpangan laluan FT1157 Persimpangan Kroh - Lembang Nenering yang dianggarkan berjumlah RM100 ribu di laluan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat. Namun begitu, kelulusan kerja ini adalah tertakluk kepada senarai keutamaan kerja yang disediakan oleh Jabatan Kerja Raya bagi keseluruhan jaringan Jalan Persekutuan di bawah seliaan Kementerian ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja Raya sentiasa komited dalam memastikan jalan sentiasa dalam keadaan yang selamat dan selesa dengan menjalankan kerja-kerja penyenggaraan rutin sepanjang tahun.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. HAJI ABD GHANI BIN AHMAD
[JERLUN]**

TARIKH : 28 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DR. HAJI ABD GHANI BIN AHMAD [JERLUN] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah Kementerian menyediakan dana pemulihan dan pembangunan tanah sawah dalam usaha untuk meningkatkan hasil pendapatan pesawah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2024, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM50 juta bagi pembekalan baja bio dan organik untuk meningkatkan kesuburan tanah sawah. Projek ini dilaksanakan secara rintis bertujuan untuk meningkatkan kesuburan tanah bagi memastikan peningkatan pengeluaran hasil padi dan memastikan bekalan beras negara yang stabil dan mencukupi selaras dengan Dasar Sekuriti Makanan Negara.

Projek rintis bagi pembekalan baja bio ini sedang dilaksanakan di beberapa kawasan terpilih melibatkan tiga (3) buah negeri iaitu Selangor, Pulau Pinang dan Terengganu. Manakala, projek rintis bagi pembekalan baja organik sedang dilaksanakan di dua (2) buah negeri iaitu Kelantan dan Terengganu. Pemilihan kawasan ini adalah berdasarkan kepada status kesuburan tanah di kawasan tersebut.

Selain itu, Kerajaan juga turut menyediakan peruntukan pembangunan sejumlah RM99.5 bilion sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK12) bagi pengurusan pemuliharaan dan peningkatan kesuburan tanah serta pengurusan pemulihan tanah sawah bermasalah di keseluruhan jelapang padi di bawah seliaan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA). Program ini dilaksanakan bagi mengatasi masalah tanah jerlus yang berlaku di kawasan jelapang padi. Beberapa skop utama telah dilaksanakan di bawah program ini melibatkan:

- (i) Pelaksanaan kerja-kerja naik taraf parit ladang, perataan tanah sawah, kotak kawalan air, batas sawah, tanah jerlus dan siasatan tanah;
- (ii) Pelaksanaan pengapuran bagi meningkatkan pH tanah sawah bagi kawasan tanaman padi;

NO SOALAN : 37

- (iii) Penggunaan teknologi peningkatan kesuburan tanah melalui penyediaan perkhidmatan, kemudahan input dan penggunaan peralatan untuk kesuburan tanah; dan
- (iv) Pelaksanaan program latihan, kursus, tinjauan teknologi dan *hands-on* bersama pesawah di lapangan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. HAJAH HALIMAH ALI [KAPAR]

TARIKH : 28 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DR. HAJAH HALIMAH ALI [KAPAR] minta MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN menyatakan:

- (a) langkah segera, sederhana dan jangka panjang untuk memastikan Global Food Security Index Malaysia semakin meningkat dalam keadaan negara turut terkesan dengan perubahan iklim luar biasa; dan
- (b) apakah tindakan yang telah dan akan diambil Kementerian untuk menjamin kedaulatan makanan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman, *Global Food Security Index* (GFSI) merupakan indikator pengukuran keterjaminan makanan yang dikeluarkan oleh *Economist Impact* berdasarkan penilaian mereka sendiri atau pembekal maklumat ketiga tanpa pengesahan daripada negara yang dinilai. Berdasarkan penilaian yang dilaksanakan, terdapat skor penilaian bagi sub-indikator tertentu yang tidak konsisten dan diragui kesahihannya. Dalam hal ini, pihak Kementerian telah mengemukakan pertanyaan terhadap kaedah penilaian yang dilaksanakan namun tidak mendapat sebarang maklum balas daripada *Economist Impact*.

Penilaian terakhir yang dikeluarkan oleh *Economist Impact* adalah GFSI 2022 dan tidak dapat ditentukan sama ada GFSI untuk tahun seterusnya akan dikeluarkan kelak. Justeru, bagi memastikan kesinambungan pengukuran tahap keterjaminan makanan negara, pihak Kementerian dengan kerjasama Jabatan Perangkaan Malaysia sedang membangunkan Indikator Keterjaminan Makanan Negara bagi memastikan penilaian dilaksanakan secara holistik dalam konteks Malaysia.

- (b) Kementerian komited bagi memastikan ketersediaan, kebolehcapaian, kestabilan dan kemampuan serta keselamatan makanan dan pemakanan sentiasa terjamin. Langkah yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian termasuk untuk menangani kesan perubahan iklim terhadap keterjaminan makanan, antaranya:
- (i) **Perluasan Penggunaan Teknologi** dengan meningkatkan adaptasi teknologi dalam sistem makanan, memperluas pembangunan teknologi berasaskan mitigasi iklim seperti Persekitaran Pertanian Terkawal (*Controlled Environment Agriculture*) dan mengurangkan pembaziran di sepanjang rantai makanan;

- (ii) **Pemeriksaan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)** dengan membangunkan benih dan baka berimpak tinggi, rintang penyakit dan berdaya tahan terhadap perubahan iklim serta mengenal pasti makanan alternatif yang berpotensi;
- (iii) **Pemeriksaan Data Keterjaminan Makanan** dengan membangunkan indikator pengukuran keterjaminan makanan dan sistem *Big Data Analytics*;
- (iv) **Perluasan Kolaborasi Strategik** dengan memperkenalkan insentif dan dana pembiayaan, melaksanakan kerjasama dengan Kerajaan Negeri dan agensi berkaitan bagi mengoptimumkan penggunaan tanah untuk tujuan pertanian serta memudahcara penglibatan sektor swasta dan syarikat berkaitan Kerajaan seperti penanaman jagung bijian. Selain itu, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Institut Penyelidikan Air Kebangsaan (NAHRIM) bekerjasama **membangunkan peta risiko banjir** jangka panjang bagi kawasan pertanian berdasarkan unjuran perubahan iklim. Manakala di peringkat antarabangsa, pelbagai kerjasama telah diadakan antaranya dengan mempelbagaikan negara sumber import bagi bahan makanan serta kerjasama di bawah *ASEAN Plus Three Emergency Rice Reserve (APTERR)* menerusi sumbangan beras bagi menangani situasi kecemasan ketika berhadapan dengan bencana alam; dan
- (v) **Pengukuhan Governans Jabatan dan Agensi** dengan melaksanakan reformasi tata kelola, memperkukuh pemantauan, memantapkan infrastruktur, memperkasa advokasi serta menambahbaik akta dan peraturan bagi menjamin kemampunan sumber dan keselamatan makanan.

NO SOALAN : 33

KPKM akan terus memperkenalkan inisiatif baharu dan menambah baik mekanisme pelaksanaan bagi memastikan sektor agromakanan berdaya tahan dalam mendepani pelbagai cabaran termasuklah kesan perubahan iklim luar biasa serta implikasinya terhadap keterjaminan makanan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AFNAN HAMIMI BIN DATO' HAJI
TAIB AZAMUDDEN [ALOR SETAR]**

TARIKH : 28 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN AFNAN HAMIMI BIN DATO' HAJI TAIB AZAMUDDEN [ALOR SETAR] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan:

- (a) apakah perkembangan dan tindakan lanjut mengenai projek 'Jejak Warisan' di Alor Setar yang telah dilaksanakan kajiannya oleh PLAN Malaysia Kedah; dan
- (b) siapa pihak yang terlibat dan berapa anggaran implikasi kewangan terhadap projek ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kerajaan MADANI sentiasa menitikberatkan pembangunan di setiap negeri dan wilayah. Pembangunan ini bukan sahaja **memfokuskan** kepada pertumbuhan **ekonomi** tetapi juga **memastikan nilai-nilai warisan tempatan dipelihara dan dimartabatkan agar identiti budaya dan sejarah Bandaraya Alor Setar yang kaya terus terpelihara** dalam pembangunan demi memastikan ianya bukan sahaja memberi manfaat kepada komuniti tetapi juga berdaya maju dari segi ekonomi.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) telah menyediakan kajian **Pelan Tindakan Khas Jejak Warisan Pusat Bandaraya Alor Setar (PTK JWAS) untuk mengembalikan Jejak Warisan di Dataran Medan Bandar**. Majlis Penyerahan Laporan PTK JWAS telah diadakan pada 6 Mei 2024 di mana laporan tersebut telah diserahkan kepada Datuk Bandar Majlis Bandaraya Alor Setar dan Pegawai Khas YB Parlimen Alor Setar **sebagai panduan dan rujukan dalam membangunkan Bandaraya Alor Setar secara keseluruhan**.

Komponen cadangan PTK tersebut merangkumi tiga (3) fasa pelaksanaan bermula pada tahun 2024 sehingga 2035 yang merangkumi 17 projek fizikal dan tujuh (7) program promosi. Bagi merealisasikan projek dan program-program tersebut, dianggarkan **kos sebanyak RM18,750,000.00** diperlukan yang **melibatkan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan inisiatif awam-swasta (Public-Private Partnership (PPP))**. Secara amnya, lapan (8) projek fizikal dan lima (5) program promosi dicadangkan bagi Fasa 1 sebagai projek jangka pendek sehingga tahun 2026, manakala tujuh (7) projek fizikal dan dua (2) program promosi bagi Fasa 2 sehingga tahun 2030, serta dua (2) projek fizikal bagi Fasa 3 sehingga tahun 2035.

PTK JWAS dapat dijadikan **panduan dan pemudah cara pelaksanaan kepada semua jabatan agensi pelaksana yang berkaitan khususnya Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS)**, selaku PBT untuk memohon peruntukan serta melaksanakan projek / program yang telah dicadangkan. Antara **agensi pelaksana** yang dicadangkan terlibat **selain MBAS** adalah **Jabatan Lanskap Negara (JLN), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Kerja Raya (JKR), Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri (BPEN), PLANMalaysia dan pihak swasta**. Manakala sumber pembiayaan perlu dipohon secara cadangan pembangunan melalui pembiayaan MBAS sendiri, *Public-Private Partnership (PPP)*, BPEN, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), KPKT, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) dan Kementerian Kerja Raya (KKR).

Kesimpulannya, jelas menunjukkan bahawa Kerajaan MADANI sentiasa menyokong usaha Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan PBT **dalam ikhtiar pemeliharaan dan pembangunan warisan yang bukan sahaja menghidupkan kembali sejarah dan kebudayaan setempat tetapi juga menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi**. Pembangunan projek jejak warisan ini diharapkan dapat mengurangkan jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar, selaras dengan aspirasi untuk membangunkan sebuah negara yang berdaya huni dan berdaya saing, tanpa mengabaikan khazanah warisan yang bernilai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ROSLAN BIN HASHIM [KULIM
BANDAR BAHARU]**

TARIKH : 28 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN ROSLAN BIN HASHIM [KULIM BANDAR BAHARU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah Kementerian mengambil langkah pencegahan cacar monyet di negara ini walaupun setakat ini keadaan masih terkawal.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi mencegah penularan kes MPox di Malaysia, Kementerian Kesihatan melaksanakan beberapa strategi pengesanan awal seperti berikut:

(i) Mengesan awal kes melalui pengukuhan surveilan di Pintu Masuk Antarabangsa

- (a) KKM telah memperkukuhkan pemantauan di pintu masuk antarabangsa termasuk di lapangan terbang, pelabuhan dan sempadan darat dengan melaksanakan saringan suhu dan pemeriksaan kesihatan terhadap penumpang, terutamanya mereka yang datang dari kawasan berisiko tinggi.
- (b) Pengesanan awal ini membolehkan pengasingan segera terhadap kes yang disyaki bagi mengurangkan risiko penularan.
- (c) Sejak 16 Ogos 2024 hingga 4 Oktober 2024, secara kumulatif, seramai 12,443,563 pengembara telah disaring.
- (d) Terdapat dua (2) pengembara telah dikesan mengalami gejala dan dirujuk ke fasiliti kesihatan terdekat iaitu pada 7 dan 13 September 2024 dengan keputusan ujian PCR untuk kedua-kedua kes adalah negatif.

(ii) Mengesan awal di fasiliti kesihatan

- (a) Di peringkat fasiliti kesihatan, KKM telah meningkatkan lagi keupayaan pengesanan dengan menjalankan taklimat dan latihan untuk petugas kesihatan bagi mengenal pasti gejala dan tanda MPox.

- (b) Bagi tahun 2024 (hingga 4 Oktober), terdapat sebanyak 72 kes yang disyaki MPox telah dinotifikasi kepada Kementerian Kesihatan di mana 71 kes disahkan negatif dan satu (1) kes disahkan positif MPox. Daripada 72 kes tersebut, 63 notifikasi (88%) diterima daripada fasiliti Kerajaan dan 9 notifikasi (12%) daripada fasiliti swasta.

(iii) Memperkukuh diagnostik dan ujian makmal

- (a) Pengukuhan keupayaan makmal bagi melaksanakan ujian pengesahan MPox melalui ujian PCR (*Polymerase Chain Reaction*) agar keputusan yang diterima adalah tepat dan pantas.
- (b) Terdapat 14 buah makmal berupaya untuk menjalankan ujian pengesahan MPox melibatkan 8 buah makmal fasiliti kesihatan kerajaan dan 6 buah makmal swasta.

(iv) Mengurus kes MPox secara berkesan

- (a) Kementerian Kesihatan telah menyediakan garis panduan pengurusan kes MPox termasuk rawatan dan keperluan isolasi.
- (b) Satu (1) kes yang disahkan MPox yang dilaporkan pada 16 September 2024 telah menjalani pengasingan (isolasi) dan rawatan di wad selama 20 hari dan seterusnya dibenarkan pulang pada 30 September 2024.

(v) Mengurus kontak

- (a) Kontak rapat yang dikenal pasti dipantau bagi mengawal penularan jangkitan.
- (b) Sebanyak 11 orang kontak rapat telah dikenal pasti bagi satu (1) kes yang disahkan MPox. Kesemua kontak telah

NO SOALAN : 40

dipantau selama 21 hari dan dilaporkan sihat dan tidak mengalami sebarang gejala.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ALI ANAK BIJU (SARATOK)

TARIKH : 28 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK ALI ANAK BIJU (SARATOK) minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sejauh manakah perancangan Kementerian terhadap industri hiliran minyak dan gas yang dijangka berdepan pendapatan terhad akibat impak pelaksanaan rasionalisasi subsidi di samping mengambil kira potensi pendapatan yang turut dihadkan di sebalik pematuhan kepada piawaian keselamatan yang ketat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penyasaran semula subsidi diesel pada 10 Jun 2024 secara asasnya adalah satu keperluan yang perlu dilaksanakan bagi membanteras ketirisan dan penyelewengan diesel bersubsidi dapat ditangani. Pengurangan ini dapat dilaksanakan dengan pelarasan harga pam di stesen minyak dan hanya Sektor Pengangkutan Awam dan Barangan yang menggunakan Fleet Card terus menikmati harga bersubsidi dalam memastikan kos barangan tidak meningkat dan penjimatan subsidi dapat disalurkan kepada tempat yang sepatutnya.

2. Penyasaran subsidi diesel secara asasnya tidak menjejaskan industri sedia ada kerana industri seperti sektor pembinaan dan perkilangan sememangnya menggunakan minyak diesel komersial. Namun, Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mengambil maklum ke atas kesan kepada industri hiliran minyak dan gas seperti pengusaha stesen minyak yang mengalami kekangan pusingan modal yang lebih tinggi di dalam membeli diesel untuk dijual di stesen minyak masing-masing.

3. Di dalam hal ini, beberapa sesi perbincangan dan sesi libat urus bersama industri hiliran terdiri daripada syarikat minyak dan persatuan pengusaha stesen minyak bersama Kementerian Kewangan telah dilaksanakan dalam memastikan syarikat minyak dan pengusaha menerima keuntungan yang sewajarnya menggambarkan kos semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK
[KUALA NERUS]**

TARIKH : **28 NOVEMBER 2024 (RABU)**

SOALAN

DATO' DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK [KUALA NERUS] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :

- (a) statistik pegawai perubatan kontrak yang telah memohon semula perjawatan tetap melalui mekanisme pengambilan khas bermula Julai 2024; dan
- (b) insentif Kementerian bagi menggalakkan pegawai perubatan bersedia untuk berkhidmat di fasiliti kesihatan awam luar bandar dan pedalaman khususnya di Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pengambilan secara lantikan kontrak (interim) mulai 1 Februari 2024 adalah merupakan keputusan Kerajaan pada 12 Julai 2023 yang bersifat sementara sebelum kaedah baharu lantikan tetap pegawai awam dilaksanakan. Pegawai akan dilantik secara tetap menerusi suatu kaedah baharu di bawah sistem saraan perkhidmatan awam tertakluk kepada prestasi dan perakuan oleh Ketua Jabatan.

2. Namun begitu, agensi pusat telah pun meluluskan secara khas permohonan Kementerian Kesihatan untuk terus menawarkan pelantikan tetap pegawai perubatan, pegawai pergigian dan pegawai farmasi. Sebanyak 7,422 permohonan telah diterima daripada pegawai perubatan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) bagi tujuan mengisi 3,200 jawatan tetap. Urusan pengambilan masih di peringkat SPA dan pelantikan dijangkakan pada Disember 2024

3. Berhubung penempatan pegawai perubatan di luar bandar dan pedalaman khususnya di Sabah dan Sarawak, antara elaun dan kemudahan yang disediakan adalah seperti berikut:

- (a) Bayaran Insentif Mengikut Lokasi dan Tahap Kesusahan;
- (b) Elaun Balik Kampung;
- (c) Bayaran Insentif Pedalaman;
- (d) Bayaran Imbuhan Perumahan Wilayah;
- (e) Bayaran Insentif Arah Pertukaran Wilayah;
- (f) Tambang Ziarah Wilayah;

NO SOALAN : 42

- (g) Bayaran Insentif Penempatan Pakar Perubatan dan Pakar; dan Pergigian di Fasiliti Kesihatan di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan; dan
- (h) Tambang Ihsan Wilayah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : KAPTEN AZAHARI BIN HASAN
[PADANG RENGAS]**

TARIKH : 28 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

KAPTEN AZAHARI BIN HASAN [PADANG RENGAS] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan perincian kaedah pembasmian miskin tegar merangkumi pelbagai inisiatif, termasuk pemberian bantuan kewangan, program latihan kemahiran, serta penyediaan akses kepada pendidikan dan perkhidmatan kesihatan bagi membantu golongan berkenaan keluar dari kancha kemiskinan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi menoktahkan kemiskinan dengan segera, Kerajaan bertungkus-lumus membantu ketua isi rumah (KIR) miskin tegar untuk keluar daripada cengkaman kemiskinan melalui beberapa tindakan intervensi.
2. Bagi jangka masa pendek di bawah Belanjawan 2024, Kerajaan menyediakan pelbagai inisiatif antaranya Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dengan peruntukan berjumlah RM10 bilion, Sumbangan Asas Rahmah (SARA), subsidi kepada pesawah dan pekebun kecil serta projek pembaikan melibatkan infrastruktur luar bandar dan program pembasmian kemiskinan. Usaha ini juga turut diperkasakan melalui pemberian bantuan kewangan bulanan oleh Majlis Agama Islam Negeri serta pusat pungutan zakat di peringkat negeri.
3. Bagi strategi jangka masa sederhana dan panjang di bawah KSP RMKe-12, pelbagai strategi, program dan projek serta inisiatif sedang dan akan dilaksanakan sebagai usaha bagi membasmi kemiskinan termasuklah melalui program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) bagi menggalakkan golongan sasaran menjalankan aktiviti ekonomi bagi menjana pendapatan tambahan secara mampan.
4. Kerajaan juga menekankan aspek pembangunan kemahiran dan modal insan golongan sasaran miskin tegar bagi menjamin kemampuan program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan. Sebagai contoh, Kementerian Ekonomi turut melaksanakan program peningkatan kapasiti dan modal insan serta kursus pengurusan asas kewangan dan *book keeping* kepada peserta-peserta IPR yang dilaksanakan dengan kerjasama strategik universiti awam.
5. Langkah menangani kemiskinan bukan hanya ditumpukan kepada aspek pengurangan tetapi juga pencegahan. Perspektif pelbagai dimensi akan terus diberi penekanan dalam menangani pelbagai ketersisihan. Dalam hubungan ini, Kerajaan juga turut menumpukan dimensi bukan

pendapatan seperti aspek kesihatan dan pendidikan bagi memastikan usaha menoktahkan kemiskinan dilaksana secara menyeluruh.

6. Sebagai contoh, dalam aspek pendidikan, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM784.2 juta bagi menambah baik pelaksanaan Rancangan Makanan Tambahan (RMT) bagi tahun 2024 berbanding RM625.7 juta yang diperuntukkan pada tahun 2023. Inisiatif ini telah memberi limpahan manfaat kepada murid tahun 1 hingga tahun 6 daripada keluarga miskin tegar dan miskin, semua murid dari suku kaum Orang Asli/Penan dan murid berkeperluan khas.

7. Selain itu, Kerajaan juga berusaha untuk mengurangkan jurang pendidikan yang wujud disebabkan masalah kemiskinan dengan memperuntukkan RM130 juta bagi tahun 2024 bagi membantu meringankan beban ibu bapa yang tidak berkemampuan untuk membuat persediaan persekolahan anak-anak.

8. Kerajaan turut memberi tumpuan kepada aspek kesihatan kanak-kanak daripada isi rumah miskin tegar melalui Skim Perubatan MADANI bagi membolehkan isi rumah miskin tegar mendapat akses yang lebih baik kepada penjagaan kesihatan. Program Pemulihan Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan akan terus dipertingkatkan bagi memastikan *outcome* kesihatan yang lebih baik untuk kanak-kanak. Melalui program ini, sejumlah 70% kanak-kanak telah berjaya meningkatkan berat badan berdasarkan *standard* tumbesaran yang ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[PENGKALAN CHEPA]**

TARIKH : 28 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK DR. AHMAD MARZUK BIN SHAARY [PENGKALAN CHEPA] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan pelan tindakan Kerajaan bagi memastikan infrastruktur di negeri-negeri kurang membangun mendapat perhatian sewajarnya untuk menarik pelabur baharu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa berusaha memastikan pembangunan yang seimbang dilaksanakan merentasi wilayah dan negeri, **dengan memberikan keutamaan kepada negeri-negeri kurang membangun.** Ini penting bagi memastikan supaya setiap lapisan masyarakat dapat menikmati pembangunan yang adil dan saksama serta kesejahteraan semua rakyat terjamin. Komitmen Kerajaan telah dizahirkan di dalam Kajian Separuh Penggal (KSP) RMKe-12 yang bermatlamatkan “Malaysia MADANI: Mampan, Sejahtera dan Berpendapatan Tinggi.

2. KSP RMKe-12 memberi penekanan supaya agensi di peringkat Persekutuan dan negeri perlu bekerjasama dengan erat untuk mengenal pasti keutamaan pembangunan dengan memanfaatkan kekuatan, keunikan dan ketersediaan sumber di setiap wilayah. Oleh itu, kerjasama erat dengan kerajaan-kerajaan negeri adalah amat diperlukan dalam merencana projek-projek pembangunan terutamanya infrastruktur dan seterusnya memastikan projek-projek Kerajaan Persekutuan yang telah diluluskan dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan untuk kepentingan rakyat.

3. Kerajaan juga memberi jaminan akan terus membangunkan dan menambah baik penyediaan infrastruktur asas yang menyeluruh termasuk Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak untuk mencapai keseimbangan wilayah dengan penyediaan Peruntukan Pembangunan (DE) yang adil dan saksama.

4. Di bawah *Rolling Plan 5 Tahun 2025*, negeri-negeri tersebut telah diluluskan peruntukan pembangunan asas sebanyak RM20.43 bilion bagi melaksanakan projek pembangunan di bawah pelbagai Kementerian. Beberapa projek pembangunan **infrastruktur utama** yang sedang dilaksanakan di negeri-negeri adalah seperti:

- i. Projek Membina Lebuhraya Kota Bharu Ke Kuala Krai, Kelantan (Pakej 2C & 3A: Kok Lanan ke Bukit Tiu);

- ii.Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kedah/Anak Bukit, Kedah;
- iii.NCER - Kemudahan Infrastruktur Di Kawasan Pembangunan Lembah Chuping, Perlis;
- iv.ECER - Pembinaan Jalan Daripada Lapangan Terbang Kuala Terengganu Ke Kuala Terengganu City Centre;
- v.Membina Baharu Jambatan dan Jalan dari Jalan Ng Belawai Ke Jalan Song-Kapit, Kapit, Sarawak; dan
- vi.Penambahan Kapasiti Loji Rawatan Air Telibong II, Sabah dari 80 juta liter sehari (JLH) KE 160 JLH.

5. Bagi pembangunan infrastruktur lain, sebanyak **613 projek** dengan peruntukan sebanyak **RM1.48 bilion diluluskan di bawah peruntukan *Rolling Plan 5 Tahun 2025* untuk pembangunan luar bandar di negeri-negeri ini**. Peruntukan ini adalah bagi melaksanakan projek seperti **Jalan Luar Bandar (JALB), Jambatan Luar Bandar (JMLB), Bekalan Air Luar Bandar (BALB), dan Jalan Perhubungan Desa** di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah.

6. Kerajaan percaya bahawa segala perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan tersebut akan menyumbang kepada pertumbuhan negeri-negeri tersebut dan seterusnya akan memberikan pelbagai manfaat kepada kesejahteraan penduduk.

Sekian, terima kasih.